



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1719]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Tan Siew Kee dan Chuah Toon Huat tertembak oleh Pasukan Polis di Pulau Pinang [Ruangan 1752]

USUL-USUL:

AKTA CUKAI JUALAN 1972:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982 [Ruangan 1754]
- (ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pemansuhan) 1982 [Ruangan 1754]

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975:

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982 [Ruangan 1756]

AKTA EKSAIS 1976:

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1982 [Ruangan 1765]

KANDUNGANNYA—(samb.)

AKTA KASTAM 1967:

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1982 [Ruangan 1766]

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983 [Ruangan 1768]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1768]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.M.N.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.
DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N.
(Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negera dan Luar Bandar. DATO' SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K.. S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAACOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN
(Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Teningau).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAS KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK DR JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).

Yang Berhormat TUAN TAN KOW KIA *alias* TAN KOK HOOI (Padang Serai).

- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOPH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberitu:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 1hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR
NEGERI MENENTANG DASAR
KERAJAAN

1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar setengah daripada penuntut-penuntut kita di luar negeri menentang dasar Kerajaan walaupun mereka adalah pemegang biasiswa Kerajaan dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat kenyataan-kenyataan dari masa ke semasa mengenai penuntut-penuntut kita di luar negeri pemegang biasiswa Kerajaan yang dikatakan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menentang dasar Kerajaan. Bilangan ini adalah kecil sahaja, setiap kes akan disiasat dengan teliti. Bagi pelajar-pelajar kita mereka mesti mematuhi segala peraturan-peraturan yang dinyatakan dengan sejelas-jelasnya di dalam kontrak yang wajib ditandatangani oleh setiap mereka. Jika terdapat mana-mana pelajar terlibat di dalam sebarang kegiatan yang bertentangan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat tersebut, maka akan diambil tindakan yang sewajarnya, di

antara tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap mereka adalah seperti amaran bertulis, menengguhkan pembayaran biasiswa dan tindakan terakhir ialah menarik balik tawaran biasiswa dan mengarahkan mereka supaya pulang ke tanahair dengan segera.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri, beliau ada menyatakan bahawa ada terdapat kenyataan ada penuntut-penuntut yang menentang dasar Kerajaan kita di luar negeri. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah mereka ini bergerak sama ada mereka ini bergerak secara bersendirian ataupun dibantu oleh mana-mana pihak iaitu pihak selain daripada penuntut.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya mengatakan bahawa terdapat kenyataan-kenyataan dari masa ke semasa memberitahu Kementerian bahawa adanya pemegang biasiswa Kerajaan yang dikatakan terlibat dengan aktiviti menentang dasar Kerajaan. Pihak Kementerian sentiasa menyiasat laporan-laporan yang disampaikan melalui jabatan penuntut kita di luar negeri ataupun MSD dan setakat ini oleh kerana tidak ada bukti-bukti yang sebenarnya, tidak ada kes-kes yang diambil tindakan. Walau bagaimanapun, ada juga kenyataan-kenyataan yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar kita, termasuk juga pemegang-pemegang biasiswa, yang dikatakan terpengaruh oleh unsur-unsur yang mereka temui dalam rangka belajar di luar negeri.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada setengah penuntut-penuntut

kerana dipengaruhi oleh sesuatu element yang tertentu. Soalan tambahan saya adakah Kerajaan bersetuju kepada penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar kita sama ada mereka diberi biasiswa ataupun belajar sendiri dipimpin untuk memahami dasar Kerajaan. Kalau jawapannya ia, apakah langkah-langkah telah diambil seperti mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut yang tersebut supaya mereka memahami dasar Kerajaan dan akan berfaedah untuk penuntut-penuntut sendiri dan menjaga imej Kerajaan.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi ada kenyataan dan saya katakan bahawa mereka ini juga dikatakan dipengaruhi oleh unsur-unsur yang mereka temui di luar negeri. Dalam hal mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya sukacita menyatakan bahawa pihak-pihak penganjur pemegang-pemegang biasiswa-biasiswa kita seperti JPA, MARA, LLN, PETRONAS dan sebagainya dari masa ke semasa ada menghantar pegawai-pegawai untuk melihat kedudukan dan kebajikan pelajar-pelajar tadi. Begitu juga dari masa ke semasa pemimpin-pemimpin kita juga ada mengadakan dialog-dialog dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri dan juga pemimpin-pemimpin kita dari masa ke semasa ada juga mengambil waktu untuk bertemu dan menyampaikan keterangan kepada pelajar-pelajar kita. Saya rasa dengan tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi boleh juga mengatasi masalah yang disebutkan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membeza-bezakan dengan golongan yang tersebut tadi sama ada mereka adalah menentang Kerajaan ataupun menentang Barisan Nasional ataupun menentang negara.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada soalan ia menyentuh hanya pelajar-pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan. Soalan juga menyebutkan sama ada pelajar-pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan tadi menentang dasar Kerajaan.

Jawapan saya adalah di dalam lengkongan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Terima Kasih.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Kerajaan tidak mengkaji terlebih dahulu pemilihan penuntut-penuntut untuk dihantar ke luar negeri ini iaitu dengan hanya menghantar mereka yang sedar akan sumbangan yang mereka dapati itu adalah daripada Kerajaan. Kalau mereka yang telah terdidik dengan unsur-unsur semangat menentang Kerajaan eloklah ditanggihkan pemilihan mereka supaya mereka tidak mempengaruhi pelajar-pelajar yang lain di luar negeri.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan yang dinyatakan melalui soalan dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi adalah satu perkara yang sukar untuk mengenal terlebih dahulu pelajar-pelajar yang nanti apabila keluar menentang Kerajaan, kerana setakat kita adalah memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang layak memegang biasiswa-biasiswa Kerajaan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa ramai daripada penuntut-penuntut kita yang di luar negeri menjadi anggota atau menjadi ahli kepada persatuan-persatuan pelajar yang dianggotai oleh beberapa negara di dalamnya. Oleh yang demikian, dalam forum-forum inilah maka kita dapati penuntut-penuntut kita atau pelajar-pelajar kita mempunyai sikap yang agak menentang Kerajaan kita.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa ada kenyataan-kenyataan yang mengatakan di mana terdapatnya pelajar-pelajar kita yang bersama-sama menjadi keanggotaan satu-satu persatuan yang melibatkan negara-negara lain maka di situ seolah-olah nampak pelajar-pelajar kita juga dipengaruhi oleh unsur-unsur dari negara-negara lain. Walau

bagaimanapun, perkara ini juga sedang disiasat. Seperti saya kata tadi, jika terdapatnya bukti-bukti yang tertentu mengatakan bahawa pelajar-pelajar kita terpengaruh oleh unsur-unsur yang datang daripada negara-negara lain melalui persatuan-persatuan yang sama mereka menjadi ahli, sudah tentu Kementerian akan mengambil tindakan.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan bahawa usaha untuk membendung sikap pelajar-pelajar kita yang menentang Kerajaan di luar negeri itu iaitu mana-mana penganjur-penganjur biasiswa sama ada daripada badan-badan berkanun atau Kerajaan sentiasa menghantar pegawai-pegawai mereka untuk berdialog dengan pelajar-pelajar kita dari semasa ke semasa.

Keterangan ini adalah terlalu umum. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan "dari semasa ke semasa" itu adakah satu kali setahun atau dua kali setahun ataupun dalam setahun ada dua tiga kali. Sekurang-kurangnya kalau tidak dapat daripada agensi Kerajaan, daripada Kerajaan sendiri.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan pertamanya bahawa dari semasa ke semasa pegawai-pegawai dari pihak penganjur seperti JPA, MARA, LLN, PETRONAS ada menghantar mereka di sini untuk melihat kedudukan dan kebajikan pelajar-pelajar. Saya juga menyatakan bahawa dari semasa ke semasa ada pemimpin-pemimpin kita yang berkesempatan mengadakan dialog ataupun sesi penerangan dengan pelajar-pelajar kita.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam tahun inipun Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Dr Tan Tiong Hong, dan juga yang paling akhir saya sendiri telahpun mengadakan beberapa sesi penerangan dan dialog dengan pelajar-pelajar kita sekurang-kurangnya di England. Yang sebenarnya kita tidak boleh mengaturnya satu jadual untuk kita mengikutinya bahawa apabila sampai pada waktunya kita mesti pergi. Kita mesti mendapat laporan-laporan dan nasihat

daripada Jabatan Pelajar kita di tempat-tempat ini, dan berasaskan kepada makluman ini kita akan membuat response sama ada untuk menghantar ataupun mengatur dialog-dialog ataupun sesi penerangan yang dikehendaki.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan tambahan sudah cukup.

PETRONAS—MENYALURKAN GAS KE RUMAH

2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan bahawa PETRONAS tidak lama lagi akan membekalkan gasnya terus ke rumah-rumah pengguna melalui sistem saluran paip di negara ini termasuk kemungkinannya membekal gas ke Singapura juga, apakah persiapan teknik yang sedang dibuat oleh PETRONAS.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, persiapan dan kerja-kerja yang sedang diusahakan oleh PETRONAS bagi projek menyalurkan gas terus ke rumah-rumah dan juga ke kompleks industri-industri adalah seperti berikut:

(a) Sebuah logi pemerosesan gas sedang dibina di Kerteh, Trengganu. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1984.

Mengikut peringkat pertama projek ini, PETRONAS akan membekalkan gas ke stesen Janaelektrik Paka, Kompleks Besi Waja dan Kompleks Perumahan di Kerteh.

(b) Mengikut peringkat pertama projek ini, PETRONAS akan membekalkan gas ke stesen Janaelektrik Paka, Kompleks Besi Waja dan Kompleks Perumahan di Kerteh.

(c) Bagi rancangan membekal gas ke rumah-rumah di negeri-negeri lain di Semenanjung dan kemungkinan ke Singapura, PETRONAS sedang menjalankan kerja-kerja awal, termasuk

kajian-kajian kenalpasti dan pemilihan laluan paip gas ke Stesen Janaelektrik LLN di Pelabuhan Kelang, Port Dickson dan Pasir Gudang.

Setelah kerja-kerja kejuruteraan awalan ini siap, PETRONAS akan melantik jurutera perunding bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan dan seterusnya kerja-kerja pembinaan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa apabila PETRONAS siap membekalkan bahan gas ke rumah-rumah menerusi saluran paipnya maka harga gas yang dibayar oleh suri-suri rumah akan turun harganya dari harga yang mereka bayar sekarang. Jika benar, berapakah peratusnya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mungkin turun tetapi saya tidak boleh beri jaminan kerana perkara ini sedang disiasat tentang kosnya dan tentulah kosnya mempunyai kesan ke atas harga gas yang akan dijual kepada sesiapa. Walau bagaimanapun, tujuan kita ialah untuk mengurangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh suri-suri rumahtangga.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, kita berasa gembira kerana gas akan wujud dan kita akan mengadakan di negeri-negeri lain termasuk Singapura dan Jurutera Perunding akan diambil oleh kita sedikit hari lagi. Adakah dengan adanya begitu banyak gas dalam negara kita ini maka kereta-kereta juga boleh pakai gas ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada rancangan supaya kita menggunakan LPG untuk kereta-kereta walaupun LNG tidak boleh digunakan untuk kereta-kereta.

Tuan Lim Liang Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Perdana Menteri memberitahu bilakah dijangka kajian-kajian kemungkinan projek seperti ini akan siap.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ia akan siap berperingkat-peringkat bermula

dengan di Terengganu yang mana kita harap akan siap pada penghujung tahun 1984 ataupun 1985.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat, dengan persiapan teknik yang hendak diadakan untuk projek-projek tersebut berapa peratus kakitangannya terdiri dari orang asing dan berapa peratus dari orang tempatan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, agak terlalu awal untuk menentukan peratusan tetapi tentulah kemungkinannya ialah kita akan menggunakan peratusan yang tinggi yang terdiri daripada orang tempatan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat mengenai gas yang dipaip terus ke rumah, adakah ini satu keadaan yang merbahaya di rumah. Kalau ya, adakah pihak Kerajaan membuat kajian tentang ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan gas yang dipaip sampai ke rumah bukanlah satu perkara yang baru tetapi telah digunakan di Eropah sejak awal abad ini lagi dan seperti biasa penggunaan semua perkara-perkara yang baru ini mempunyai bahaya sedikit kalau kita tidak tahu menggunakannya, samalah juga dengan menggunakan elektrik ke rumah, kalau tak ada elektrik tidak boleh ada electric shock tetapi kalau ada elektrik dan kita tak tahu macam mana guna, mungkin kita dapat electric shock, bahkan boleh mati.

RANCANGAN EDARAN LALULINTAS

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dibuat berhubung dengan memperkemaskan rancangan edaran lalu-lintas dalam Bandaraya; dan
- (b) apakah yang telah berlaku kepada skim "Area Road Pricing" dan bilakah ini akan dilaksanakan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan

Yang Berhormat itu, (a) sebahagian kerja untuk pelaksanaan rancangan edaran lalu-lintas telahpun disiapkan dan dilaksanakan. Di antara pembinaannya yang telah siap termasuklah:

- (1) jalan lingkaran dalam;
- (2) jalan lingkaran tengah;
- (3) kawalan lalu-lintas kawasan dengan menggunakan sistem komputer;
- (4) memperbaiki dan memperluaskan simpangan-simpangan jalan dan jambatan-jambatan; dan
- (5) membina jejantas-jejantas untuk orang berjalan kaki.

Cadangan Kerajaan untuk melaksanakan sistem 'Aerobus' dan 'Light Rapid Transit' adalah juga sebahagian daripada usaha tersebut, iaitu dengan mengadakan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan sempurna.

(b) Sementara ini pelaksanaan "Area Road Pricing" tidak akan dipertimbangkan oleh Kerajaan sehingga telah pun selesai melaksanakan pembinaan jalan-jalan tertentu dan pelaksanaan "Light Rapid Transit" untuk menentukan kesan sebenarnya dalam mengatasi kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Sama ada beliau sedar walaupun pelan edaran lalu-lintas telah dikenalkan, kesesakan lalu-lintas masih tidak kurang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pelan tersebut lebih berkesan?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Minta ulang sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulangi soalan.

Tuan Chan Kok Kit: Sama ada beliau sedar walaupun pelan edaran lalu-lintas telah dikenalkan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa perkataan itu?

Tuan Chan Kok Kit: Ini soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Please read the question. Ulang lagi sekali.

Tuan Chan Kok Kit: Ya. Sama ada beliau sedar walaupun pelan edaran lalu-lintas telah dikenalkan, kesesakan lalu-lintas masih tidak kurang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk pastikan pelan tersebut lebih berkesan?

Timbalan Yang di-Pertua: "Pelan", Yang Berhormat Menteri.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telahpun menerangkan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah lalu-lintas yang dihadapi di Kuala Lumpur ini. Namun demikian, di dalam kita mengatasi masalah ini tentulah banyak bergantung kepada perkara-perkara lain, misalnya pertambahan kereta dan sebagainya dan perkara-perkara seumpama ini adalah dalam perhatian Kerajaan dan di mana difikirkan perlu maka tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil supaya masalah kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur ini dapat dikurangkan seberapa yang terdaya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa Pelan Struktur Kuala Lumpur telah mencadangkan untuk menyekat bilangan kereta-kereta ke pusat Bandaraya dan hanya membenarkan high occupancy vehicles ataupun kereta yang mempunyai penumpang yang ramai untuk masuk ke Bandaraya. Jika beliau sedar, sama ada pihak Kementerian yang berkenaan akan menyegerakan persiapan untuk melaksanakan skim "Area Pricing" ini memandangkan bahawa ini ialah salah satu cara yang boleh diambil untuk mengatasi kesesakan lalulintas di pusat Bandaraya kita?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pada masa ini perkara ini masih dalam pertimbangan kita. Mungkin salah satu

daripada sistem atau cara seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu adalah kemungkinannya akan dipertimbangkan di masa hadapan. Pada masa ini Pelan Struktur Kuala Lumpur sedang dalam pandangan orang ramai, maka itu belumlah dapat penentuan yang lebih tegas apakah akhirnya atau sebenarnya keputusan kita. Ini hanya akan dibuat setelah kita mendengar semua komen-komen yang telah diberikan oleh masyarakat umum, terutama sekali penduduk di Kuala Lumpur ini mengenai pelan tersebut.

DOKTOR DAN PENDUDUK—NISBAH

4. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor yang ada dibandingkan dengan penduduk-penduduk dan matlamat Kerajaan tentang kadar bilangan doktor berbanding dengan penduduk di kawasan bandar dan luarbandar dalam Malaysia.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah menjawab satu soalan tentang nisbah doktor dibandingkan dengan penduduk pada keseluruhannya, dalam Dewan yang mulia ini pada 26hb Oktober, 1982. Nisbah doktor berbanding dengan bilangan penduduk untuk seluruh negara ialah seorang doktor untuk lebih kurang 3,590 penduduk.

Untuk perancangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di dalam Kerajaan dan swasta, matlamat kita ialah seorang doktor untuk 2,200 penduduk menjelang tahun 1990.

Dukacita kami tidak mempunyai ukuran tentang kadar bilangan doktor berbanding dengan penduduk di kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menambahkan ratio doktor dan bilangan penduduk di dalam negara ini supaya berfaedah kepada rakyat, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan bekerjasama dengan Malaysian Medical Association untuk mendaftarkan khususnya semua isteri-isteri

doktor warganegara Malaysia supaya mereka hanya boleh bekerjasama di hospital Kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tak sangkut dengan soalan asal.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengatasi masalah ratio ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan adakah Kerajaan bercadang yang pertama, untuk mengadakan satu sistem perkhidmatan di mana semua doktor terpaksa berkhidmat di kawasan luar bandar, dan kedua untuk mengadakan satu skim, dengan izin, Professional Medical Civil Service di mana doktor-doktor dari sektor swasta diberi peluang untuk berkhidmat dalam hospital-hospital Kerajaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua doktor yang bekerja sekarang ini di dalam sektor swasta dahulunya diwajibkan dengan Kerajaan selama 3 tahun dan sewaktu mereka berkhidmat dengan Kerajaan ada satu syarat supaya mereka berkhidmat di luar bandar, sekurang-kurangnya setahun ataupun 2 tahun. Tetapi bahagian kedua tentang adakah peranan doktor swasta di dalam sistem rawatan Kerajaan sekarang ini. Kementerian Kesihatan sedang mengkaji satu skim di mana barangkali perkhidmatan di dalam Kerajaan ataupun hospital Kerajaan boleh diselaraskan dengan perkhidmatan swasta dan kajian itu sedang dijalankan atas masalah ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang nisbah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi seorang doktor untuk 3,500 orang di Malaysia. Di setengah-setengah tempat di Malaysia nisbah ini tidak dipenuhi. Misalnya, di hospital Kelang tiap-tiap tahun ada hampir 8,000 anak dilahirkan di hospital itu dan kita hanya mempunyai seorang doktor pakar perbidanan dan 3 orang Pegawai Perubatan sahaja yang telatih dalam bidang itu kalau dibandingkan dengan kadar kelahiran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Dr Tan Seng Giaw: Soalan saya ialah apakah tindakan jangka pendek untuk mengatasi masalah kekurangan ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Soalan yang asal ialah tentang nisbah doktor dibandingkan dengan penduduk, bukan berapa jawatan dalam sebuah hospital dan saya tidak anggap bahawa sebagai seorang Ahli Yang Berhormat beliau tidak faham bahawa bukan semua kelahiran dikendalikan oleh seorang pakar, bidan pun boleh.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan kekurangan doktor yang begitu hebat pada masa ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi pengambilan doktor-doktor sementara secara kontrak dari luar negeri dan seterusnya meluaskan negeri-negeri di mana doktor-doktor tersebut boleh didapatkan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi amalan kita supaya kita melantik jikalau dapat doktor-doktor dari luar negeri. Misalnya, baru-baru ini ada satu perjanjian di antara Kerajaan dengan Kerajaan Burma, Indonesia, Bangladesh dan sebagainya tetapi masalah ini mereka juga sekarang ini mengatakan mereka tidak ada mencukupi doktor dan ini menjadi masalah. Bukan semua negara ada kelebihan doktor dan walaupun negara-negara yang telah maju, mereka pun mengatakan tidak cukup doktor.

Tuan Ismail bin Said: Dengan nisbah yang disebutkan tadi, adakah Yang Berhormat Menteri memasuk kira doktor-doktor persendirian dan adakah ianya merupakan satu keadaan yang kritikal oleh kerana memandangkan sebahagian besar daripada rakyat di negara kita ini adalah sihat-sihat belaka dan juga oleh kerana memandangkan bahawa ada juga di antara rakyat kita yang mampu pergi ke klinik-klinik persendirian. Juga dari jawapan beliau tadi, adakah beliau bermaksud bahawa pada keseluruhannya di negara kita ini mengalami kekurangan doktor. Jika demikian, adakah di antara sebabnya ialah ada setengah-setengah doktor kita meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya dan menjadi Wakil Rakyat?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Dewan yang mulia ini tidak salah faham tentang apakah maksud saya apabila saya katakan nisbah doktor dibandingkan dengan penduduk. Ini satu nisbah pada keseluruhannya termasuk doktor swasta dan doktor dalam perkhidmatan Kerajaan. Sekarang ini terdapat lebih kurang separuh yang berkhidmat dalam Kerajaan dan separuh dalam swasta dan memang menjadi dasar Kerajaan supaya jikalau pihak swasta hendak mendirikan hospital-hospital private, mereka dibenarkan berbuat demikian dengan syaratnya tertakluk kepada undang-undang. Itu sahaja.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri dari pengalaman Kerajaan mengambil doktor-doktor secara kontrak dari luar negeri, pernahkah Kerajaan membuat satu kajian apakah buruk atau baiknya daripada amalan ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini adalah di luar daripada soalan asal.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan adakah Kementerian sedar bahawa Hospital Daerah Hilir Perak, Teluk Anson atau sekarang ini Teluk Intan, telah digunakan oleh penduduk yang begitu luas sekali kerana menampung penduduk-penduduk dari Sungai Besar, Sabak Bernam, Kampung Gajah dan lain-lain, tetapi seorang pakar sakitpuan pun tidak ada di hospital itu. Maka oleh sebab itu isteri-isteri yang hendak bersalin jika sekiranya didapati terpaksa diadakan pembedahan terpaksa dihantar daripada Teluk Intan Ke Hospital Besar, Ipoh yang memakan masa perjalanan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa soalnya?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya ingin bertanya, bolehkah Kementerian Kesihatan menghantar dengan segera pakar sakitpuan atau pakar-pakar lain ke Hospital Teluk Intan?

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat, pada prinsipnya jawapan telah diberi dalam isi kandungan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi.

KUALA LUMPUR COMMODITY EXCHANGE—PENGLIBATAN BUMIPUTERA

5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah prestasi Pertukaran Bursa Komoditi Kuala Lumpur (K.L. Commodity Exchange) boleh menguntungkan negara dan sejauh manakah keuntungan ini boleh melibat kaum Bumiputera.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Bursa Komoditi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Commodity Exchange) yang berusia 2 tahun telah menunjukkan prestasi yang sangat memuaskan. Jumlah dagangan atau "turnover" di Kuala Lumpur Commodity Exchange telah meningkat kepada paras yang sungguh menggalakkan. Purata "turnover" dagangan ialah 122 lot sehari pada tahun 1980, 132 lot sehari pada tahun 1981 dan meningkat kepada 196 lot sehari pada 9 bulan pertama tahun ini (Januari hingga September, 1982). Jumlah dagangan semakin meningkat terutamanya semenjak pertengahan tahun 1982. Umpamanya pada bulan Ogos, 1982 purata "turnover" ialah 333 lot sehari dan purata ini meningkat kepada 449 lot sehari pada bulan September tahun ini. Rekod tertinggi "turnover" harian yang telah dicapai ialah sebanyak 747 sehari iaitu pada 3hb September tahun ini.

Semenjak kebelakangan ini juga terdapat minat bagi dagangan untuk 6 bulan ke hadapan berbanding dengan dagangan yang selalunya tertumpu pada bulan semasa dan 3 bulan ke hadapan. Perkembangan ini dan juga angka-angka turnover yang meningkat jelas menunjukkan kepercayaan yang bertambah oleh pengguna-pengguna terhadap Kuala Lumpur Commodity Exchange.

Pasaran minyak kelapa sawit mentah sedang bertambah digunakan oleh peniaga-peniaga tempatan dan luar negeri sebagai punca penentuan harga. Harga di Bursa sekarang digunakan untuk menentukan harga pembelian dan penjualan minyak kelapa sawit mentah di dalam pasaran fizikal. Peniaga-peniaga juga mendapati adalah lebih "flexible" untuk berniaga di dalam pasaran minyak kelapa sawit mentah oleh kerana mereka boleh melindungi nilai di Bursa. Pengeluar-pengeluar juga dapat menjual pada masa dan harga yang terbaik dengan adanya harga-harga ditetapkan beberapa bulan ke hadapan. Dengan demikian, kita boleh dapat memperbaiki perkhidmatan kepada pengeluar dan juga pembeli-pembeli minyak kelapa sawit kita. Sebelum Bursa ini ditubuhkan, pengeluar-pengeluar dan pembeli-pembeli terpaksa menggunakan harga di pasaran Rotterdam sebagai asas untuk menentukan harga minyak kelapa sawit di Malaysia. Dengan tertubuhnya Kuala Lumpur Commodity Exchange harga minyak kelapa sawit sekarang ditentukan di dalam negeri. Dengan cara tidak langsung, pengeluar-pengeluar termasuk Bumiputera juga mendapat faedah dari perubahan tersebut.

Dengan wujudnya Bursa Komoditi di Kuala Lumpur juga, syarikat-syarikat peniaga Bumiputera telah dapat menyertai di dalam bidang perniagaan ini. Daripada 67 buah syarikat broker, pada masa sekarang terdapat 28 buah syarikat yang mempunyai penyertaan Bumiputera. Daripada 28 buah syarikat ini sebanyak 11 buah syarikat mempunyai ekuiti terbesar milik Bumiputera.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

6. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak membina banyak Bangunan Sekolah Menengah Agama di seluruh negara, terutama sekali dalam negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Kalau ya, bila dan kalau tidak, mengapa.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran bercadang membina sebanyak 10 buah lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi negeri-negeri berikut:

- (i) SMKU di Mergong, Kedah.
- (ii) SMKU di Sri Iskandar, Perak.
- (iii) SMKU di Selangor.
- (iv) SMKU di Wilayah Persekutuan.
- (v) SMKU di Labu, Negeri Sembilan.
- (vi) SMKU di Segamat, Johor.
- (vii) SMKU di Pahang.
- (viii) SMKU di Dungun, Trengganu.
- (ix) SMKU di Sempurna, Sabah.
- (x) SMKU di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan telah pun mengambilalih sebanyak 13 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama seperti berikut:

- (i) 2 buah di Negeri Perlis.
- (ii) 3 buah di Negeri Pulau Pinang.
- (iii) 1 buah di Negeri Selangor.
- (iv) 1 buah di Negeri Sembilan.
- (v) 2 buah di Negeri Melaka.
- (vi) 1 buah di Negeri Johor.
- (vii) 1 buah di Negeri Trengganu.
- (viii) 2 buah di Negeri Kelantan.

Kementerian Pelajaran telah menubuhkan 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama iaitu sebuah di Sarawak dan sebuah di Sabah.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaannya syarat-syarat masuk belajar ke sekolah menengah agama dan juga kurikulumnya jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah menengah biasa?

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soalan itu adalah keluar daripada soalan asal.

JABATAN PARIT DAN TALIAIR WILAYAH PERSEKUTUAN— PERUNTUKAN

7. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar peruntukan yang diberi kepada Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan adalah tidak mencukupi untuk menyelenggara sungai-sungai yang terdapat di Wilayah Persekutuan, jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk menambahkan tugasnya dengan lebih sempurna dan memuaskan khasnya dalam mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan untuk penyelenggaraan sungai-sungai dalam Wilayah Persekutuan adalah di bawah Peruntukan Berulang yang diberi melalui Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ini sedar bahawa peruntukan tersebut tidak mencukupi, dan telah mengambil tindakan tertentu untuk mengatasinya. Berikutan daripada itu, pihak Perbendaharaan telah meluluskan peruntukan berulang bagi tahun 1983, sebanyak \$360,000—iaitu berganda daripada tahun 1982 yang sebanyak \$176,000. Perlu diingatkan peruntukan bagi satu-satu jabatan adalah dikaji dari masa ke semasa dan akan diberi pertambahan jika difikirkan perlu.

Bagi Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Wilayah Persekutuan telah diberikan peruntukan \$6.6 juta bagi projek-projek pembangunan perparitan di Wilayah Persekutuan.

RANCANGAN SUBSIDI PENANAMAN SAGU

8. Datuk Alfred Jabu anak Numpang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada

jumlah peruntukan/subsidi tanaman pokok rumbia iaitu sago demi akan ditambah meluaskan kawasan skim subsidi tanaman pokok tersebut yang mula dilaksanakan baru-baru ini dan untuk menambahkan bilangan peserta yang semata-mata bergantung pada hasil tanaman pokok sago sebagai mata pencarian.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Subsidi Penanaman Sagu baru bermula pada akhir tahun 1980. Oleh itu adalah terlalu awal untuk ditimbang sama ada skim ini patut diperluaskan atau kadar subsidiya ditambah. Apabila kesan-kesan yang dapat dihasilkan diketahui dari segi pengeluaran hasil dan minat petani-petani menyertai skim ini maka pertimbangan bolehlah dibuat sama ada skim ini patut atau tidak diperluaskan dan kadar bantuannya patut ditambah.

PROJEK HIDRO-ELEKTRIK, BATANG API

9. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan pembinaan Projek Hidro-Elektrik di Batang Api ialah pertama dibina di Sarawak maka semua penduduk-penduduk rumah panjang di kawasan yang dikatakan 'Danger Zone' pada masa ini sedang dipindahkan ke kawasan penempatan baru; dalam hal demikian adakah beliau sedar bahawa setengah daripada penduduk-penduduk di kawasan itu dipindahkan tanpa menyiapkan rumah-rumah panjang mereka terlebih dahulu di kawasan 'Resettlement Area'.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut penerangan yang didapati daripada Kerajaan Negeri Sarawak, sebanyak 10 buah rumah-rumah panjang telah dipindahkan dari kawasan 'Danger Zone' disebabkan oleh penutupan 'diversion tunnel'. Enam daripada rumah-rumah panjang ini telahpun siap pada bulan Ogos 1982 dan sekarang diduduki.

Empat lagi rumah panjang hanya akan disiapkan pada bulan Jun 1983 dan sebagai langkah sementara, bantuan kewangan telah diberi kepada mereka bagi membantu mereka mendapatkan tempat kediaman sementara. Bantuan yang diberi ialah \$1,000.00 sepiutu.

Mereka yang diberi pertolongan berpuashati dengan bantuan yang diterima dan mereka telahpun mendapat tempat-tempat kediaman sementara yang diperlukan.

DOKTOR PALSU DI HOSPITAL

10. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor palsu yang dikesan di hospital-hospital di negara ini sejak tahun lalu; sama ada beliau bersetuju bahawa sebab-sebab utama berlakunya hal seumpama ini ialah kerana kekurangan pengawasan dan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengelakkan hal seumpama ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dua orang yang menyamar sebagai pegawai perubatan telah dikesan di Hospital Besar Kuala Lumpur dalam bulan Mei dan Jun tahun ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Hospital Besar ini terdapat kakitangan yang besar. Hospital ini juga digunakan sebagai sebuah hospital pengajar. Ini bermakna bahawa kawasan ini sentiasa penuh dengan kakitangan dan penuntut perubatan dalam semua kategori.

Untuk mencegah kejadian yang berlaku tentang doktor palsu itu, sistem pengawasan yang lebih ketat telah diwujudkan. Pegawai-pegawai keselamatan ditugaskan di tempat-tempat yang strategik dalam kawasan hospital dan orang ramai dilarang masuk ke beberapa tempat tanpa sebab-sebab yang tertentu. Semua kategori kakitangan telah diarahkan memakai kad pengenalan diri yang juga mempunyai gambar sipemakai. Mereka diarah melaporkan kepada ketua unit mereka mengenai sesiapa yang disyaki menyamar sebagai kakitangan. Penuntut-penuntut juga dikehendaki memakai kad pengenalan bergambar dalam kawasan hospital besar. Doktor-doktor yang menggunakan buku

prescription telah diminta untuk mengawasi buku-buku mereka dan kakitangan dispensari diberi senarai contoh tandatangan pegawai-pegawai perubatan yang berkhidmat di hospital.

Dengan langkah-langkah ini saya berharap bahawa kegiatan doktor palsu itu dapat dicegah.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menerangkan beberapa langkah-langkah bagi mencegah atau membandung supaya tidak berlakunya kejadian doktor-doktor palsu di hospital-hospital. Jika terdapat mereka yang sabit kesalahannya kerana melakukan perbuatan itu, adakah pihak Kementerian akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya hukuman yang berat dikenakan kepada mereka yang berkenaan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, apa keputusan mahkamah adalah terpulang kepada Hakim (Magistrate) mahkamah itu mengikuti undang-undang yang sedia ada.

PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS—KURSUS PRA-UNIVERSITI

11. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak semua pelajar dari Sekolah-sekolah Menengah Sains yang berkelayakan diberi kemasukan kursus pra-universiti dan jika ya, sila nyatakan bilangan kesnya tahun ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan penyelewengan seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak betul jika dikatakan terdapat pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains yang layak masuk ke Kelas Pra-Universiti tidak diambil. Ini adalah kerana institusi-institusi yang bertanggungjawab untuk mengambil pelajar-pelajar Kelas Matrikulasi mempelawa mereka yang mempunyai kelulusan sesuai untuk

memohon tempat. Pemilihan dilakukan dari mereka yang telah memohon atas asas-asas yang ditentukan oleh institusi-institusi itu sendiri yang mengambil kira kecapaian akademik dan latar belakang sosio-ekonomi pemohon-pemohon tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soal penyelewengan dalam hal ini langsung tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu berapa peratus orang-orang atau pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak dapat dipelawa untuk masuk Pre-Universiti Classes ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempunyai angkanya.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya untuk bilangan pelajar yang memohon dan telah ditawarkan untuk sesi 1982/83 untuk mengikuti kursus Matrikulasi UKM bilangan pelajar memohon ialah 5,670 orang, bilangan pelajar ditawarkan tempat hanya 836 orang. Bilangan pelajar yang mendaftar ialah 756 orang dan bilangan pelajar yang ada sekarang ialah 743 orang.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahami bahawa tahun ini ada murid-murid yang dapat Pangkat III dalam peperiksaan SPM ditempatkan di Tingkatan Enam Sains. Kalau ada, adakah Menteri yang berkenaan ambil langkah supaya murid-murid ni boleh mengikuti pelajarannya di Tingkatan Enam Sains.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini ada keluar daripada soalan asal. Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar! Tidak ada.

(Soalan No. 12 Y. B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir)

KEWARGANEGARAAN—PERMOHONAN MELALUI BORANG E DAN G

13. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa

pemohon di bawah Form G terpaksa menunggu begitu lama iaitu di antara 5 hingga 7 tahun untuk mendapat keputusan berhubung dengan permohonan kerakyatan negara ini dan bagi pemohon Form E pula terpaksa menunggu 2 hingga 3 tahun pada hal dulunya mengambil masa setahun sahaja.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 20hb Oktober, 1982 yang lalu. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

STESEN MICROWAVE REPEATER DI SANDAKAN—KEBAKARAN

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah yang menyebabkan pemancar TV di batu 36 Sandakan terbakar pada 29-3-1982 dan adakah orang-orang asing melakukan kerja-kerja sabotase serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya lagi perkara tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya Stesen di Batu 36 Jalan Sandakan-Telupit itu bukanlah pemancar TV seperti yang dikatakan tetapi ianya Stesen Microwave Repeater untuk TV dan telefon. Stesen Microwave Repeater ini berfungsi untuk mengendalikan semua trafik sambung jauh di antara pantai barat dan pantai timur negeri Sabah.

Mengenai punca kebakaran tersebut adalah disahkan oleh pihak Polis dengan kerjasama Jabatan Kimia bahawa kebakaran tersebut bukanlah berpunca dari perbuatan sabotase. Laporan dari Jabatan Kimia jelas menunjukkan bahawa kebakaran ini mungkin berpunca dari alat rectifier yang rosak disebabkan oleh overloading dan emergency trip switch telah gagal bekerja. Kegagalan switch ini untuk berfungsi telah menimbulkan kepanasan yang amat sangat dan mungkin

menyebabkan bahan-bahan yang senang terbakar membakar. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya perkara sedemikian ialah memastikan bahawa alat-alat emergency trip switch itu sentiasa berada dalam keadaan yang baik serta tidak lagi berlaku overloading di rectifier.

ANTI-MEROKOK—KESAN PENANAM/ PENGAWIT TEMBAKAU

15. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejak terlancarnya kempen anti-merokok oleh pihak Kerajaan melalui Surat Pekeliling Am bilangan 12 (1982) sama ada pihak Lembaga Tembakau Negara membuat sebarang kajian tentang kesan kepada penanam-penanam dan pengawit-pengawit tembakau di negara kita dan apakah hasilnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara dan juga Kementerian saya sedang mengawasi kesan-kesan ke atas penanam-penanam dan pengawit-pengawit tembakau akibat kempen anti-merokok. Ketika ini adalah masih terlalu awal bagi mendapatkan kesan-kesannya oleh kerana surat pekeliling itu baharu sahaja dikeluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar. Tidak ada.

(Soalan No. 16 Y.B. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar tidak hadir)

PEMOHON PASPORT MALAYSIA DI SARAWAK

17. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah pemohon-pemohon Pasport Antarabangsa di Sarawak diberi Pas Perjalanan selama tempoh satu tahun sahaja dan tidak selama tempoh lima tahun sebagaimana biasa dalam masa beberapa bulan yang lalu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar semua pemohon pasport Malaysia di Sarawak dalam masa beberapa bulan yang lalu hanya dikeluarkan dengan pas perjalanan. Sebenarnya sijil kecemasan yang berlaku untuk satu tahun sahaja.

Bagi tahun 1982 sehingga 31hb September, 1982 Jabatan Imigresen di Sarawak telah mengeluarkan 22,240 pasport Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen mengeluarkan berbagai-bagai jenis surat perjalanan untuk membolehkan seseorang itu keluar negeri. Walaupun seseorang itu memohon pasport Malaysia Jabatan Imigresen boleh mengeluarkan lain-lain dokumen perjalanan mengikut kepentingan dan keadaan sesuatu permohonan itu.

KELAS KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

18. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah kakitangan Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara dan berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk perjalanan Kelas Kemajuan Masyarakat pada setiap tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengikut aktiviti kelas ialah 7,352 orang. Jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk perjalanan KEMAS pada tiap-tiap tahun ialah lebih kurang \$35,444,714. Perbelanjaan ini adalah meliputi elaun bulanan bagi kakitangan Kelas Kemajuan Masyarakat itu sendiri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan menjelaskan hasil daripada Kelas KEMAS ini yang telah begitu besar mengeluarkan perbelanjaannya pada setiap tahun lebih daripada \$35 juta.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti KEMAS mengikut kelas termasuk Ekonomi Rumah Tangga, Taman Bimbingan Kanak-kanak, Rancangan Desausaha dan lain-lain lagi. Jawapannya memuaskan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah termasuk gerakan KEMAS menjalankan kegiatan politik parti memerintah?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 19 Y.B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir)

PERMIT LORI "C"—PERMOHONAN

20. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar penolakan permohonan untuk mendapatkan lesen Pengangkutan "C" telah menyusahkan golongan peniaga yang ingin mengangkut barang-barang mereka sendiri, dan juga akan menghalang perkembangan perniagaan mereka; jika sedar, nyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk mengeluarkan lesen tersebut kepada mereka yang benar-benar memerlukannya, jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya, memang memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua permohonan-permohonan untuk mendapatkan Permit Lori "C". Walau bagaimanapun, tidak semua permohonan yang diterima itu dapat diberi kelulusan. Di dalam memberi pertimbangan ke atas permohonan-permohonan yang diterima, pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah menggariskan beberapa kriteria dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu permohonan itu dipertimbang dan diluluskan. Di antara kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Lembaga Pelesenan ialah:

- (1) Mengisi dan mengemukakan borang CL 10 dengan lengkap iaitu semua

soalan di dalam borang berkenaan mestilah dijawab dengan sepenuhnya dan borang berkenaan mestilah juga dilekatkan setem dan dimatikan, diangkat sumpah dan ditandatangani.

- (2) Mestilah menyertakan salinan daftar perniagaan (Article serta Memorandum of Association).
- (3) Mengemukakan Laporan Cukai Pendapatan yang lalu.
- (4) Mengemukakan bukti-bukti perniagaan yang dijalankan yang memerlukan penggunaan lori jenis "C".

Pemohonan-pemohonan yang memenuhi kriteria dan syarat seperti yang dinyatakan di atas akan juga dipanggil untuk ditemuduga. Tujuan utama temuduga ini ialah untuk mengetahui dengan secara lanjut mengenai kedudukan perniagaan pemohon berkenaan dan keperluan pengangkutannya. Hanya selepas kedua-dua proses ini dapat diatasi dengan jayanya barulah sesuatu permohonan itu diluluskan.

Daripada penjelasan yang telah saya berikan itu dapatlah dirumuskan bahawa pemohon-pemohon yang tidak dapat memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dan tidak berjaya pula dalam temuduga yang dijalankan akan ditolak permohonannya. Hanya permohonan yang telah memenuhi syarat dan dapat dibuktikan bahawa perniagaan mereka memerlukan Permit Lori 'C' di dalam temuduga akan berjaya.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya adalah bertanggungjawab mengeluarkan Permit-permit Lori 'A'. Permit Lori 'A' ini adalah diberikan kepada pemohon-pemohon untuk kegunaan mengambil sewa dan upah. Oleh yang demikian, pemilik-pemilik Permit Lori jenis 'A' hanya bergantung 100% kepada syarikat perniagaan yang lain untuk mendapatkan barang-barang untuk diangkut. Dalam soal ini Kementerian saya perlulah juga memberi pertimbangan yang adil supaya

pemilik-pemilik Permit Lori 'A' ini dapat menjalankan perniagaan mereka. Sekiranya semua syarikat yang mempunyai barang untuk diangkut diberi Permit Lori 'C' untuk mengangkut barang-barang mereka sendiri maka pemilik-pemilik Permit Lori 'A' tidak akan dapat menjalankan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, Kementerian saya perlulah menentukan supaya pengeluaran Permit Lori 'C' dan Permit Lori 'A' dapat diseimbangkan supaya kedua-dua pemilik permit berkenaan dapat menjalankan perniagaan mereka. Dan saya ingin menggesakan bahawa penolakan permohonan untuk mendapatkan Permit Pengangkutan 'C' tidak menyusahkan golongan peniaga yang benar-benar memerlukan perkhidmatan tersebut untuk mengangkut barang-barang mereka sendiri. Ini adalah kerana pemohon yang benar-benar dapat permit itu membuktikan mereka memerlukan perkhidmatan lori C dan akan diluluskan setelah proses pertimbangan dijalankan.

Bagi mereka yang tidak berjaya mendapatkan Permit Pengangkutan 'C' mereka mempunyai dua cara untuk menampung perkhidmatan pengangkutan mereka ialah melalui:

- (1) Menggunakan lori-lori kecil yang beratnya di bawah 2,500 kg. Lori-lori ini tidak perlu mendapat permit untuk dijalankan dan ianya adalah sesuai digunakan oleh peniaga-peniaga kecil untuk mengangkut barang-barang sendiri.
- (2) Peniaga-peniaga boleh menggunakan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pengusaha-pengusaha lori 'A' untuk mengangkut barang-barang mereka.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sehingga bulan Ogos 1982 telah meluluskan sejumlah 67,608 Permit Lori 'C'. Dapatlah dilihat dengan kelulusan yang sebegitu banyak bahawa Kementerian saya telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada mereka yang betul-betul memerlukan Permit Lori 'C'. Dalam tahun 1981 sehingga September 1982 sahaja sebanyak 2,551 Permit Lori 'C' telah diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12, 16, 19, 21 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

GURU AGAMA—KENAIKAN PANGKAT

12. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Guru-guru Agama yang cukup syarat dan telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah di seluruh negara.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip kenaikan pangkat bagi Guru-guru Agama adalah sama seperti Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang lain iaitu berdasarkan Perintah Am Bab A 50. Berdasarkan kepada prinsip tersebut senarai 6 orang guru agama telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan, angka yang diberikan ini adalah kurang disebabkan:

- (i) Guru-guru agama terpaksa bertanding dengan lain-lain Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang mana lebih besar bilangannya;
- (ii) Guru-guru Agama Sekolah Rendah baru sahaja masuk ke Perkhidmatan Pelajaran iaitu pada 1-7-1974, ini menyebabkan kekenanan mereka lebih rendah berbanding dengan guru-guru lain.

Sungguhpun demikian bagi lain-lain jawatan kenaikan pangkat selain jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan terdapat ramai guru-guru agama yang telah dinaikkan pangkat. Misalnya, akibat penyusunan semula Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah terdapat 91 jawatan kenaikan pangkat bagi guru-guru agama dan 13 lagi jawatan kenaikan pangkat di Ibu Pejabat Kementerian dan Maktab Perguruan.

KEJATUHAN HARGA KELAPA

16. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa penanam-penanam kelapa sangat menderita hidup disebabkan kejatuhan harga kelapa di masa ini dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh beliau bagi mengatasi penderitaan tersebut dan menyatakan kenapakah minyak kelapa mahal harganya sedangkan harga kelapa itu sendiri adalah murah.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Bahagian pertama kepada soalan ini telah pun dijawab pada 13hb Oktober, 1982 dan 27hb Oktober, 1982. Sementara bahagian kedua mengapa harga minyak kelapa mahal kerana kos memproses minyak kelapa telah pun naik.

MAS—BAYARAN GANTIRUGI KEPADA PENUMPANG

19. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah lagej penumpang-penumpang MAS tersesat atau terhilang pada tahun 1981 dan setengah tahun pertama 1982 dan jumlahnya bayaran gantirugi dibayar oleh pihak MAS; dan
- (b) adakah pihak MAS merancang untuk menaikkan kadar gantirugi bagi lagej penumpang-penumpang yang tersesat atau terhilang dalam penerbangan mereka dengan kapal terbang MAS.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):

- (a) Bagi tahun 1981, bilangan penumpang-penumpang MAS yang mengalami kehilangan begasi ialah 1,269 orang dan bagi setengah tahun pertama 1982 iaitu dari bulan Januari hingga Julai ialah 838 orang. Jumlah bayaran gantirugi yang dibayar oleh MAS kepada kesemua mereka ini ialah sebanyak \$633,643.49 sen bagi tahun 1981 dan sebanyak \$438,609.54 sen bagi tempoh Januari-Julai 1982.

Ini bererti kejadian kehilangan begasi penumpang-penumpang dalam penerbangan-penerbangan MAS secara purata ialah di antara 14-16 penumpang bagi tiap-tiap 10,000 orang penumpang. Sungguhpun kejadian kehilangan begasi penumpang-penumpang MAS ini tidaklah keterlaluan jika dibandingkan dengan kadar kejadian kehilangan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang mana berdasarkan kajian IATA ialah kira-kira 60 kejadian kehilangan begasi daripada tiap-tiap 10,000 orang penumpang, pihak MAS bagaimanapun sedang mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan dan mengelakkan daripada berlakunya kejadian-kejadian ini.

Tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil oleh MAS adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan bahan yang lebih 'durable' bagi 'baggage tags';
 - (ii) menggunakan 'trolley' atau 'container' yang dikhaskan untuk sesuatu destinasi itu;
 - (iii) kerja-kerja menyelenggarakan beg-beg untuk dimasukkan atau diturunkan daripada pesawat diawasi oleh pegawai-pegawai kanan yang ditugaskan khas untuk maksud tersebut; dan
 - (iv) pemeriksaan oleh pegawai-pegawai khas ke atas begasi-begasi tersebut untuk menentukan bahawa begasi-begasi mempunyai 'tag' yang sepatutnya dan menentukan bahawa 'tag' tersebut tidak tercabut atau hilang.
- (b) Pihak MAS tidak ada rancangan untuk menaikkan kadar bayaran ganti rugi bagi kehilangan begasi penumpang-penumpang yang membuat penerbangan MAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran-bayaran ganti rugi yang dibuat oleh

MAS kepada penumpang-penumpang yang kehilangan begasi adalah berdasarkan kepada kadar-kadar bayaran mengikut peraturan undang-undang yang ditetapkan dalam Akta Pengangkutan Udara Malaysia dan juga sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Antarabangsa iaitu "Convention Warsaw".

BAHASA IBUNDA (P.O.L) DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

21. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau surdar kelas-kelas Pelajaran Bahasa Ibunda Murid-murid (Pupil's Own Language classes) Cina dan Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan kini diadakan pada hari Sabtu yang mana hari tersebut adalah tidak sesuai kerana banyak aktiviti-aktiviti seperti aktiviti pengakap dan sebagainya diadakan pada hari yang sama dan akibat ini enrolmen dan kehadiran murid-murid telah merosot; jika ya, nyatakan sama ada kelas-kelas pelajaran bahasa ibunda itu adakan diadakan pada waktu biasa sekolah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pengendalian dan pengurusan bahasa ibunda (P.O.L.) di sekolah-sekolah rendah kebangsaan adalah tertakluk kepada guru besar-guru besar sekolah berkenaan mengikut keadaan dan keperluan di sekolah-sekolah itu.

Jadual waktu harian di sekolah-sekolah rendah kebangsaan amatlah padat dan ini menyebabkan guru besar tidak dapat mengisikan pengajaran bahasa ibunda (P.O.L.) ke dalam jadual waktu harian terutama pada sekolah-sekolah rendah yang ada dua sesi.

Ada setengah-setengah kawasan guru besar sekolah-sekolah kebangsaan sukar hendak mendapatkan guru-guru bahasa ibunda (P.O.L.) yang terlatih untuk mengajar di sekolah mereka pada hari persekolahan biasa. Ini disebabkan jumlah murid yang ingin belajar bahasa ibunda (P.O.L.) di sekolah tidak ramai.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—JUMLAH TAHANAN

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak Julai 1981 dan sebab-sebab mereka ditahan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sejak bulan Julai 1981 sehingga 1hb November, 1982 adalah seramai 51 orang.

Mereka ditahan kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

WAKIL ORANG ASLI DI DEWAN NEGARA

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah akan dilantiknya seorang wakil baru bagi Orang Asli di Dewan Negara; adakah beliau sedar bahawa sebahagian besar Orang Asli seperti Senogoi di Perak adalah tidak puas hati dengan cara yang digunakan untuk melantik wakil Orang Asli di Dewan Negara; bolehkah beliau memberi jaminan bahawa sebelum perlantikan baru dibuat, perkara ini akan diperbincangkan dengan Orang Asli terutamanya Kaum Senogoi yang merupakan suatu kaum yang terbesar di kalangan Orang Asli.

Dato Musa Hitam: Oleh sebab tempoh perkhidmatan Senator yang ada sekarang masih belum tamat, soal ini tidak timbul.

Pada masa ini Kerajaan adalah berpuashati dengan cara perlantikan Senator yang mewakili masyarakat Orang Asli di Dewan Negara. Sekiranya ada mana-mana Orang Asli yang merasa tidak puashati atau ingin membuat cadangan yang membina mengenai cara perlantikan tersebut mereka bolehlah mengemukakan syor dan pandangan kepada Kerajaan melalui saluran tertentu.

Mengenai bahagian terakhir pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya apabila tiba masanya nanti.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 TAN SIEW KEE DAN CHUAN TEOW HUAT TERTEMBAK OLEH PASUKAN POLIS DI PULAU PINANG

3.38 *ptg.*

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan, Dewan ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini memandang dengan rasa amat kesal dan berat peristiwa di mana Tan Siew Kee dan Chuah Teow Huat telah tertembak oleh Pasukan Polis Diraja di Pulau Pinang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam tangan saya, saya ada sepucuk surat daripada Yang Berhormat dan saya mintalah Yang Berhormat hanya membaca perenggan 3 dan 4. Oleh kerana kandungan yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi adalah pendahuluan (preamble) sahaja dan bukan usul. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Itulah latar belakang sebab-sebab mengapa saya hendak mengemukakan usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengenai latar belakang perkara ini saya akan berikan dalam jawapan saya sendiri. Terima kasih.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini memutuskan bahawa untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap Pasukan Polis Diraja Malaysia serta juga untuk memastikan Kerajaan adalah bersih, cekap dan amanah dan juga untuk mengelakkan kejadian dan kehilangan nyawa seumpama itu dari berlaku lagi, memerintahkan Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tanpa berlengah-lengah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (1) Menubuhkan sebuah Lembaga Siasatan Bebas yang tidak memilik mana-mana pihak diketuai oleh seorang Hakim yang mana siasatannya akan terbuka kepada orang ramai untuk menentukan sebab-sebab yang menyebabkan tercetusnya kejadian penembakan tersebut pada 29hb Oktober 1982 dan juga sama ada terdapat apa-apa justifikasi bagi anggota Polis menembak Tan Siew Kee dan mencederakan Chuah Teow Huat;
- (2) Memerintahkan Syarikat Falim Sdn Bhd mehentikan serta-merta kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan di Thean Teik Estate sehingga Badan Siasatan Bebas tersebut menyampaikan laporannya;
- (3) Bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan sebuah Badan untuk menyelesaikan pertikian di antara Syarikat Falim Sdn Bhd dan penduduk-penduduk Thean Teik Estate supaya pertikaian tersebut dapat diselesaikan dengan adil dan saksama;
- (4) Menukarkan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, Haji Zaman Khan, jika sekiranya hasil siasatan Badan Siasatan Bebas tersebut menunjukkan bahawa Pasukan Polis Diraja di Pulau Pinang telah bercuai atau gagal mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah kejadian penembakan tersebut daripada berlaku pada 29hb Oktober, 1982 yang menyebabkan kematian Tan Siew Kee dan kecederaan Chuah Teow Huat.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima sepucuk surat pagi ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera memberi notis menurut Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu bersabit dengan peristiwa di mana dikatakan Tan Siew Kee dan Chuah Teow Huat telah tertembak oleh Pasukan Polis Diraja di Pulau Pinang pada lebih kurang pukul 4.00 petang 29hb Oktober, 1982 di perkarangan No. 1,029-R Thean Teik Estate Road, Pulau Pinang sebagaimana yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti perkara ini dan berpuas hati iaitu sebagaimana pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberitahu kepada saya bahawa perkara ini sedang disiasat oleh Kerajaan di bawah Criminal Procedure Code (CPC) dan oleh kerana itu saya berpendapat perkara ini tidak lagi berkehendak disegerakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menolak permohonan ini. (*Tepuk*)

USUL-USUL

AKTA CUKAI JUALAN, 1972

- (i) *Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982.*
- (ii) *Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pemansuhan) 1982.*

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang ditetapkan kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah-perintah berikut:

- (i) *Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982; dan*

(ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pemansuhan) 1982;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statuit Bil. 107 dan 108 tahun 1982 disahkan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982 ialah bertujuan untuk menaikkan Kadar Cukai Jualan dari 5% ke 10%. Langkah Belanjawan ini adalah diambil dengan tujuan untuk meninggikan lagi hasil negara.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pemansuhan) tahun 1982 adalah bertujuan memansuhkan Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2) tahun 1978. Tujuan pemansuhan ini ialah untuk menguatkuasakan kadar baru yang dikemukakan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982; dan
- (ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pemansuhan) 1982;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statuit Bil. 107 dan 108 tahun 1982 disahkan.

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN, 1975

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982

3.42 ptg.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (3) dalam Seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 109 tahun 1982 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk menaikkan Kadar Cukai Perkhidmatan daripada 5% kepada 10%. Kenaikan kadar ini telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 1983. Kadar Cukai Perkhidmatan ini dinaikkan untuk menambahkan lagi hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.43 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ada perkara yang saya mahu bangkitkan di sini yang kalau saya tidak silap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada berkata bahawa ini merupakan satu permohonan untuk mendapat kelulusan Dewan ini cadangan Budget yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menaikkan Cukai Perkhidmatan daripada 5% kepada 10%. Itulah cadangan Budget dan tadipun satu cadangan, mengikut cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menaikkan sales tax daripada 5% kepada 10%.

Yang pertama, saya sangat terperanjat bahawa di peringkat ini apabila perbincangan Budget belum ditamatkan, satu cadangan dikemukakan untuk anticipate, untuk mendahului perbincangan dan keputusan Dewan ini mengenai sama ada Budget 1983 akan diterima. Kita semua tahu bahawa dengan majoriti yang ada tentulah apapun akan diluluskan. Apapun diluluskan, apa yang bodoh pun diluluskan (*Tepuk*), apa yang bodohpun diluluskan, tetapi (*Disampuk*). . . . Sebab itu janganlah tepuk, sebab itu orang cakap bodoh, sendiri lebih bodoh (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya dengar banyak suara yang bodoh.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu bangkitkan ialah procedure. Adakah ini patut? Adakah ini in order?

Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah suara yang gila saya dengar tidak ikut order. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak tengok, saya ada dengar suara yang gila tidak mengikut Standing Order, Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahupun, itu suara dia atau suara binatang (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau mahu begitu, saya boleh terus semacam ini (*Disampuk*). Saya boleh terus semacam ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah "binatang" dalam Dewan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau ada binatang, ada binatang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri peluang penjelasan.

Tuan Tan Kok Hooi: Saya mahu dia tarik balik perkataan

Tuan Lim Kit Siang: Mahu penjelasan? Okay, boleh bagi penjelasan.

Tuan Tan Kok Hooi: Saya mahu dia tarik balik perkataan "binatang", sebab di Dewan ini semua manusia (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Kalau di Dewan ini manusia, tetapi kalau ada suara binatang, saya tidak tahulah; sama ada binatang atau tidak ada binatang (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut Standing Order tidak patut suara-suara semacam ini. Ikt Standing Order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya meminta Yang Berhormat tarik balik perkataan "binatang".

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bercakap ada "binatang" di sini, saya harap tidak ada "suara binatang".

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kata jangan gunakan perkataan "binatang". Saya tidak kata ada atau tidak "binatang" dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya harap ialah mengikut Standing Order.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini perkataan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu Standing Order diikuti. Kalau orang tidak ikut Standing Order.

Timbalan Yang di-Pertua: Please sit down. Sila duduk!

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu point of Order? Point of clarification?

Timbalan Yang di-Pertua: Sebutkan Tertib Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order or point of clarification?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Pahat.

Tuan Daud bin Haji Taha: Standing Order 36 (4) "Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab" dalam Dewan yang mulia ini. Pada pendapat saya, perkataan "binatang" ialah perkataan yang biadab.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut Standing Order tidak ada orang boleh berlaku tidak biadab. Tetapi kita tengok orang yang berlaku tidak biadab. Berilah saya timbulkan masalah procedural, bukannya masalah substantive, orangpun mahu cetus; sayapun tidak faham. Baik.

Yang pertama, sama ada ini in order sebelum Budget diluluskan, cadangan-cadangan Budget dikemukakan mendahului Budget. Dahulu tidak pernah berlaku. Semua cadangan-cadangan revenue, cadangan-cadangan cukai, semua timbul baru selepas Dewan yang mulia ini sudah meluluskan Budget yang baru. Oleh kerana selepas Budget diluluskan, barulah timbul cadangan-cadangan revenue cukai yang baru. Sungguhpun kita tahu akan diluluskan, tetapi ini tidak in order, tidak menghormati Dewan yang mulia ini—menganggap Dewan yang mulia ini tidak payah bahas Budget. Ada bahas atau tidak bahaspun sudah lulus cukai. Sales tax, service tax. Apa guna, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu teruskan perbahasan Budget. Kalau sudah lulus, apa guna? Inilah saya tidak tahu, mungkinlah satu Kerajaan yang sangat cekap, sangat beramanah sehingga safeguards diketepikan, sehingga apa yang in order sudah tidak difahami. Saya tidak tahu ini di atas inisiatif Yang Berhormat Menteri Kewangan atau inisiatif Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Tetapi inilah sebenarnya tidak patut dibenarkan oleh Yang di-Pertua sendiri oleh kerana ini rewrite semua apa yang in order dan saya harap tadi yang kedua saya mahu bantah dengan sekeras-kerasnya cara di mana cadangan-cadangan usul-usul ditaruh dalam Orders of the Day tanpa apa-apa notis.

Saya ingat ini satu Treasury Motion untuk menukar apa-apa; sebenarnya ini satu Sales Tax. Kedua, Service Tax. Sekurang-kurangnya beritahu satu hari.

Saya percaya tak ada seorang pun dalam Dewan ini, termasuk Ahli-ahli dari Barisan Nasional, faham dengan sebenarnya apa yang terkandung di dalam Usul pertama, iaitu untuk meluluskan kenaikan Sales Tax yang sudah berlaku menimbulkan begitu chain reaction yang menambahkan inflasi, menambahkan beban rakyat, tetapi ini something like satu perbuatan yang tak patut, satu fly-by-night operation. Nampaknya takut satu perbahasan yang mendalam, dengan slip of pen mahu kemukakan. Itu yang pertama. Saya harap di masa akan datang sekurang-kurangnya Dewan yang mulia ini diberi respect dan notis diberi sekurang-kurangnya satu hari apa-apa usul akan dikemukakan. Tetapi kedua-dua usul ini sangat tak patut. Saya harap boleh tarik balik. Saya harap tadi iaitu apa yang kita telah luluskan, satu usul yang dikemukakan untuk membatalkan kelulusan usul yang pertama—membatalkan kelulusan menaikkan Cukai Jualan daripada 5% kepada 10%—membatalkan kelulusan itu dan sehingga Budget 1983 diluluskan barulah usul itu patut dikemukakan.

Kalau pihak Kerajaan, pihak Executive tidak mahu hormat Backbenchers Barisan Nasional, kita ada lagi Ahli-ahli Pembangkang di sini, kalau Kerajaan, Executive tidak mahu hormat Backbenchers Barisan Nasional, sekurang-kurangnya hormat Parlimen yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Putih.

3.52 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca cadangan yang dibentangkan di sini. Nampaknya Wakil dari Kota Melaka tidak faham peraturan kewangan oleh kerana cadangan yang dibentangkan baru-baru ini tidak menyatakan tarikh penguatkuasaan, maka di dalam Dewan inilah ditentukan kepada tarikh penguatkuasaan, cadangan yang diminta oleh Menteri Kewangan! Kalau sekiranya kita tidak menguatkuasakan ini tetapi pelaksanaannya telah pun dijalankan di hotel-hotel dan di mana-mana. Ini telah mengelirukan orang ramai kalau kita tidak mencadang usul-usul seperti ini. Jadi kalau

kita hanya setakat hendak membangkang dan hendak mengeluarkan perasaan, apa orang buat semua salah. Saya rasa itu adalah satu fikiran yang tidak boleh diterima oleh masyarakat sekarang ini. Apa yang dicadangkan di sini ialah untuk menguatkuasakan apa yang dilafaz dan dilakukan itu. Kalau 10 kali anjing menyalak sekalipun keputusan yang dibuat tidak akan diruntuhkan dan tidak akan dirombak kerana di dalam Dewan ini banyak anjing-anjing yang menyalak bukit tetapi tidak akan runtuh (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. 36 yang mengatakan tidak boleh mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati. Bagi saya tak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa yang hati sakit?

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya tanya, saya harap bahawa tidak menyakitkan hati Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia menyebut Tuan Yang di-Pertua pun serupa anjing, kalau itu tidak menyakitkan hati Tuan Yang di-Pertua—menyakitkan hati saya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, Tata Tertib Bilangan 36 (4), tidak membenarkan seseorang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mengeluarkan kata-kata yang biadab. Saya ada mendengar salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat mencadangkan Yang Berhormat Kota Melaka menarik balik perkataan “binatang” tetapi beliau tidak mahu menarik balik perkataan “binatang”. Apabila Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih membuat satu perumpamaan “anjing menyalak bukit takkan runtuh”, mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu melompat (*Disampuk*) melompat macam kera

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Jadi, seorang yang cepat marah, melompat macam kera itulah sebenarnya binatang. Janganlah membawa perkara-perkara perangai binatang di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia ada tujuan kepada siapa perkataan binatang itu?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik perkataan binatang itu. Selagi dia tidak tarik perkataan binatang itu jangan benarkan dia bercakap. Ahli Yang Berhormat itu sudah lama duduk dalam Dewan ini tetapi perangnya macam binatang. Apa ini? (*Disampuk*). Tarik balik perkataan “binatang” itu, baru benarkan dia bercakap. Ini menurut Peraturan 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk! Saya ingin beri sedikit

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya ingin beri peringatan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak tarik balik perkataan “binatang” itu sebab dia mengeluarkan perkataan “binatang” itu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Menurut Peraturan 42 Ahli Yang Berhormat dikehendaki diam apabila Pengerusi bercakap.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Baik, saya hormat perintah Tuan Yang di-Pertua dan Tata-tertib Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*) (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat, saya beri sedikit penjelasan. Apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi menggunakan perkataan “binatang”, saya menasihati Ahli Yang Berhormat itu supaya menarik balik perkataan itu, dan walaupun Ahli Yang Berhormat tidak dengan rasminya menarik balik perkataan itu, tetapi selepas itu nampaknya dia tidak menggunakan perkataan itu lagi. Sebab itu saya membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih untuk berucap. Daripada masa sekarang saya tidak membenarkan sesiapa pun menggunakan perkataan seperti binatang atau anjing dan sebagainya. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih menyambung ucapannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan

kepada sesiapa pun anjing ataupun kepada sesiapa pun buruk, tetapi apa yang saya kata ialah perumpamaan seperti anjing menyalak bukit tidak akan runtuh (*Tepuk*). Ini perumpamaan Melayu dan kita tidak dapat hapuskan. Kalau kita memberi bunga kepada buruk, buruk tidak tahu menggunakannya dan akan membinasakan bunga itu (*Tepuk*). Kita tidak boleh memberi bunga kepada buruk. Begitulah sesuatu yang ada di dalam Dewan ini juga kita tidak dapat memberi kepada orang yang tidak tahu dan bertanggungjawab. Jadi dengan sebab itulah saya menggunakan perumpamaan itu yang sewajarnya kepada mereka yang tidak tahu menggunakan Dewan yang mulia ini dan tidak mahu mengikut peraturan yang ada.

Ini berpunca dari Wakil dari Kota Melaka sendiri yang menuduh bahawa kita ini adalah daripada golongan yang tidak cerdas maka dengan itulah timbulnya perkataan-perkataan lain yang lebih dahsyat daripada apa yang dikatakannya. Bagi kita pihak Back-benchers, Tuan Yang di-pertua, tidak akan takut bertentangan dengan apa sahaja dengan kata-kata yang digunakannya (*Tepuk*).

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, Usul ini adalah sewajarnya bagi menguatkuasakan apa yang dilafazkan oleh Menteri Kewangan. Kalau kita tidak membuat undang-undang ini perlaksanaannya sudahpun dijalankan dan keadaan ini mengelirukan orang ramai dan kita tidak perlu menghabiskan peruntukan dan perbahasan ini, hanya orang yang tidak tahu peraturan kewangan sahaja hendak membahaskan perkara ini supaya tidak dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.01 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Ahli dari Kota Melaka. Dua perkara yang telah dibangkitkan olehnya, yang pertama kita berkehendakkan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya satu hari untuk meneliti dan menghalusi apa yang terkandung dalam Usul yang terpenting kerana terlibat dengan

cukai-cukai jalan, dan cukai perkhidmatan yang akan memberi, mengadakan beban yang sangat besar kepada rakyat jelata.

Yang kedua, kita hanya meminta Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menghormati Dewan ini, kalau kita hendak adakan Usul yang sebegitu penting itu kita dapatlah mengaturkan supaya perbahasan belanjawan di Dewan yang mulia ini sudah tamat dan itulah dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Kota Melaka dan kita berharap pihak yang berkuasa dapat mengubah caranya, janganlah lupa boleh diubah, tabiat dibawa mati.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.03 ptg.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kami bagi pihak Kerajaan telah mengikut peraturan-peraturan yang ada di mana dengan cara yang kami mengemukakan cadangan-cadangan ini dan oleh kerana saya percaya Ahli-ahli daripada Parti Pembangkang hanya hendak membuat kekacauan sahaja, jadi saya tidak ada apa-apa lagi hendak menambah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum kita menghantar register kata setuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak bersetuju.

Tuan Lim Kit Siang: Lain orang juga tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa?

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu kami mahu bawa Usul kepada sesiapa yang tidak bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, saya beri peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan beri peluang, tetapi ini hak kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tidak, beri peluang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (3) dalam Seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1982, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 109 tahun 1982 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1982

4.06 ptg.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1982, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 110 tahun 1982 disahkan.

Perintah ini ialah bertujuan untuk menaikkan duti eksais ke atas beer daripada \$1.25 seliter kepada \$2.00 seliter dan juga untuk menaikkan duti ke atas rokok dari \$4.37 sekilogram kepada \$9.00 sekilogram. Kenaikan-kenaikan ini telah pun diumumkan dalam ucapan belanjawan 1983. Kedua-dua langkah belanjawan ini adalah bertujuan menambahkan lagi hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1982, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 110 tahun 1982 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1982

4.08 ptg.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1982 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 111 tahun 1982 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan membuat beberapa pindaan ke atas Jadual Pertama Perintah Duti Kastam 1978 bagi menguatkuasakan cadangan cukai yang diumumkan dalam ucapan belanjawan tahun 1983.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk menaikkan duti-duti import ke atas minuman keras; menaikkan duti import ke atas tembakau dan rokok; mengenakan duti import ke atas kereta penumpang yang belum siap dipasang; menaikkan duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang; menghapuskan duti import ke atas minyak wangi, alat-alat solek, radio transistor, cine-camera, projector dan pen ball point; menghapuskan duti eksport ke atas kelapa dan kelapa kering; menghapuskan duti eksport ke atas udang beku, simen dan batu halus, batang-batang besi dan keluli bulat dan pipih, rantai mosaic dan jubin untuk

dinding dan genting; mengurangkan duti import ke atas wheat brand dan wheat pollen dari 13% ke 15%, menghapuskan duti import ke atas komputer; menaikkan harga threshold untuk pengenaan duti eksport ke atas getah dan juga bijih timah dan mengenakan duti import sebanyak 2% atau 3% atas bahan mentah dalam usaha menyelaraskan pengenaan duti-duti ke atas barang-barang import.

Jadual Kedua adalah juga dipinda untuk menghapuskan cukai tokok ke atas bahan-bahan mentah yang sekarang ini dikenakan cukai import sebanyak 2% atau 3%. Tujuan langkah-langkah menaikkan duti import adalah untuk meninggikan lagi hasil negara bagi membiayai perbelanjaan Kerajaan. Langkah menghapuskan duti ke atas air wangi, alat-alat solek, radio transistor, cine-camera, projector dan pen ball point adalah bertujuan untuk menggalakkan dagangan runcit dan juga industri pelancungan.

Penghapusan duti import ke atas komputer pula adalah bertujuan untuk menggalakkan sektor swasta lebih banyak menggunakan teknologi moden demi untuk memodenkan pengurusan. Duti-duti eksport ke atas udang beku, simen, batang-batang besi, kelapa dan kelapa kering dihapuskan untuk menggalakkan pengeluaran dan eksport barangan ini. Walau bagaimanapun, untuk menjamin bekalan tempatan, pengeksportan barang ini masih tertakluk kepada lesen eksport.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11 Akta Kastam 1967. Perintah

Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1982 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statuit Bil. 11 tahun 1982 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBÉKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (29hb Oktober, 1982)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan kali menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Balanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentang dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (29 hb Oktober, 1982).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menyambung ucapannya.

4.02 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I was saying last Friday that the rural health programme in Sabah is in a bad shape mainly because of communication problems, shortage of staff, doctors and specialists, coupled with the long delay in building rural health clinics or hospitals. Many death cases in the rural areas go unreported.

The recent dialogue session held by the Government in Sabah with the public revealed that the number of deaths from cholera which had gone unreported was the highest among refugees in the Sandakan area. The worsening situation in Sabah has increased the death toll and the number of deaths due to cholera as at 21st August is 11, with 233 cases reported.

The State Director of Medical and Health Services revealed that the majority of the cholera victims were Filipino refugees in the Sandakan area. In view of the alarming state of affairs, I urge the Ministry of Health to take immediate steps to allocate more funds to improve the Rural Health Programme in Sabah.

The other point I wish to touch on is with regard to the facilities in the Sandakan Hospital. The outpatients department is always congested, overflowing with Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants. As a result, often the local people hardly have a chance for medical consultations they are forced to go to private doctors.

Water supply to the Sandakan Hospital is frequently cut off and causes great inconvenience to the Hospital particularly when a major operation is being done. I urge the Ministry of Health to look into these matters with a view to rectify the position.

A sum of \$1,474 million is being appropriated for public utilities comprising \$741 million for electricity and \$733 million for water supply. The allocation for rural electricity and water supply is \$160 and \$105 million respectively.

In a survey of the past Malaysian Development Plans conducted by the

Consumers' Association of Penang, it was found that low priority was given to community water supply to rural areas under the Second Malaysia Plan and the rural sector was allocated only 2% of the total allocation for water while the urban sector was allocated 88% of the total allocation. There was a slight improvement under the Third Malaysia Plan with a 21% allocation for the rural sector with the urban sector obtaining 53.2% of the allocation.

The Fourth Malaysia Plan allotted 27% of the total allocation for the rural sector while the urban sector received 57% of the allocation. Under the Third Malaysia Plan, 90.7% of the urban sector in Peninsular Malaysia was covered with water supply while 47.2% of the rural areas was covered. In spite of the fact that more than half of the rural population was still lacking in water supply, the Fourth Malaysia Plan allotted more than half its allocation to the urban sector.

In Sabah and Sarawak, the difference is even greater. In Sarawak, during the Third Malaysia Plan period, urban coverage was 93% while rural coverage was 25%. In Sabah, urban coverage in 1980 was 99% while rural coverage was a mere 18%.

Increase in population, vast land development, the use of insecticides and weedicides in agriculture, the discharge of industrial effluent and waste and other sources of soil and water pollution have made the existing natural water sources in rural areas unsafe and there is an increase in non-communicable diseases such as cholera, typhoid, dysentery, diarrhoea, food-poisoning, etc. The shortage of water supply to the rural areas has caused serious problems and resulted in the increase of diseases. I urge the Government to review the allocation for rural water supply for Sabah when the Fourth Malaysia Plan comes up for mid-term review.

While still on the subject of water supply, I wish to bring to the attention of this House of the frequent disruption of water supply in Sandakan. In June alone, water supply was cut off for almost 2 weeks, the reason being that the newly installed 15" water pipes had burst at least 6 times in 10 days, and this barely 2 weeks after the pipes were installed.

I understand the contract to install the new pipes was given to a foreign company and I am sceptical whether the pipes installed were of superior quality. I urge the Ministry of Public Utilities to investigate into this matter as the foreign company has yet to complete its project in Sandakan with a view to rectify the situation and if it is found that the foreign contractor has installed pipes that were not up to specifications, then action must be taken against the contractor.

Most countries in the world do not issue currency notes like the way Malaysia does by issuing \$1,000 and \$500 notes. It is common knowledge in Sabah that timber tycoons and businessmen are using the "suitcase" tactic in obtaining Government approval for their applications. Often a suitcase is stuffed with one thousand dollar-notes and after the "deal" is concluded, the suitcase is conveniently left in the office of the politician or civil servant, and it is difficult to prove corruption was involved as it could be claimed that the tycoon or businessman had forgotten about his suitcase. The "suitcase" tactic is also used by timber tycoons, millionaires and businessmen to stash away their wealth in foreign countries. These tycoons and millionaires normally use the VIP exit of the Kota Kinabalu Airport, their bags are seldom checked and even if they are done, palms are greased, and off they go to deposit their millions in foreign countries. I am told in Hong Kong alone, the amount of Malaysian \$1,000 notes found in that colony is more than that found in Malaysia. I urge the Finance Minister to take appropriate steps to check the passengers leaving the country, especially Sabah, to ensure that our currency is not smuggled out. The Inland Revenue Department too must be more vigilant in this matter as culprits are evading income tax. I also urge the Customs to thoroughly screen and check all passengers especially those using the VIP exists so as to put a stop to this "suitcase" tactic. Also, I suggest for the earnest consideration of the Government that the \$1,000 denomination notes be withdrawn from circulation in view of the reasons I have given above.

In March this year, the House passed the amendments to the Banking Act and the

intention was to prevent Directors and officers of banks and financial institutions from manipulating public funds for investments in stocks and shares and for other purposes without security. Unfortunately, this amendment also included employees who in actual fact have no power to grant loans. As a result, banks have begun recalling sundry loans and other loans like housing loans provided they are outside the banks' housing loan schemes. Many employees below the rank of officers obtained loans for repair of their houses, medical expenses and other personal requirements which the banks were willing to provide to promote better and harmonious relationship with the staff and, in fact, this was with the approval of Bank Negara provided such loans do not exceed an aggregate pay of 6 months. Now have received notices informing them that their loans will be recalled by the end of December.

Another peculiar problem that has arisen as a result of the amendments to the Banking Act is that several persons who had obtained loans long before their children were born or before their children ever joined the banks or financial institutions, have now been told that their loans will be recalled by the end of the year. In some cases, I am told the children of loanees have been warned that should their parents fail to pay up the loans by the end of the year, their (the children's) employment with the bank will become untenable and they would have to resign.

The whole objective in amending the Banking Act early this year was to check abuses and malpractices in the banking industry. In so doing, the Government should not create hardship and difficulties as most of these loans were taken for genuine purposes long before the Banking Act was amended. I appreciate the need to prevent abuses in the banking sector but surely this should not mean hardship for bank employees.

Another point I wish to touch on is that although the Banking Act was amended to curb Bank Directors from freely using public funds without security for their own purpose, but those Directors of banks and financial institutions now use their banks or financial

institution to guarantee them in securing clean loans from other banks or financial institutions in which they do not have any interest. It cannot be said therefore that the amendments to the Banking Act will prevent abuses when there is an escape route for directors of Banks and financial institutions. If the Government is genuinely interested in preventing abuses in the banking industry, then what is needed in an in-depth study of the entire system and the laws tightened up but this must not be done at the expense of the bank employees.

The Prime Minister, when speaking at the Amanah Saham Nasional Dividend and Bonus Voucher presentation on 11th April, 1982, said:

“The setting up of this scheme is proof of the Government’s willingness to balance the economic position among the various races and create social justice in the country”

Further, he said that:

“The Government had also set \$50,000 limit to prevent a large number of the shares being bought over by the rich.”

The declared aim of the Amanah Saham Nasional is to balance the economic position among the various races and thus create social justice in the country, and through this scheme, opportunities are provided for bumiputeras to improve their economic position and to achieve the 30 bumiputera equity target in the economic field.

Whilst speaking on the Amanah Saham Nasional scheme, I wish to bring to the attention of the House the problems faced by Sino-Kadazans of Sabah who possess Chinese surnames but find considerable difficulty in investing in the aforesaid scheme. Sino-Kadazans with Chinese surnames are allowed to participate in the Amanah Saham Nasional scheme subject to their producing their birth certificates, Sijil Mahkamah Anak Negeri, a letter of recommendation from the Village Headmen supported by their local Assemblyman or Member of Parliament stating that they are genuine bumiputeras though with Chinese surnames and that they live in their respective bumiputera kampung.

These conditions have caused untold hardships to genuine Sino-Kadazans who want to invest in the Amanah Saham Nasional scheme. Furthermore, I have come to understand that Sino-Kadazans who upon producing the documentary evidence that were required and after making their initial investment are prohibited from investing further. Why is this so when bumiputras are eligible to purchase shares up to \$50,000? Why are Sino-Kadazans with Chinese surnames who are bumiputras in the true sense of the word have been discriminated against?

For the information of this House, Sino-Kadazans with Chinese surnames are genuine bumiputras and this can be confirmed by the centenary publications of the Sabah State Government titled “History of Sabah, 1881-1981” wherein it is stated on page 566 that:

“Names are also not true indication of an individual’s ethnic group or his religion. A Chinese name, for instance, may probably be the only indication of a person’s Chinese ancestry. In appearance, behaviour and residence but for a Chinese great-grandfather, he is a Kadazan as his full-blooded Kadazan neighbour”.

In the 1980 census carried out in Sabah, Sino-Kadazans have been classified as “pribumi” together with the other indigenous people and hence I see no reason why they must be subject to so much of restrictions and inconvenience when they are genuine “sons of the soil”. I urge the Government to look into this matter with a view to remedy the situation.

While still on the subject of the Amanah Saham Nasional scheme, I wish to know whether the Government will introduce a similar scheme to assist poor non-bumiputras so that they too could have opportunities to better their economic lot. There is a misconception that all bumiputras are poor and non-bumiputras rich. Such deliberate misconception should be erased so as to reduce racial polarisation. Poverty knows no boundry, race, colour or creed and I sincerely urge the Government to consider setting up a scheme similar to the Amanah Saham

Nasional to enable the poor non-bumiputras to improve their economic position.

Since July 10th, 1982, applications for change in names for native land titles in Sabah have been frozen. A circular to this effect was sent out by the Secretary of the Bumiputra Affairs Unit of the Sabah Ministry of Town and Country Development. The circular also instructed land officers to abide by the definition of a native title as outlined in "Instructions to Land Officers (Revised Edition 1965)".

According to the Land Office instruction, when a Dusun woman marries a Chinese, their offspring is considered a native. However, should the offspring later marry, his or her child will not be considered a native. What idiocy is this? It is really absurd that a native's child is not considered a native whilst his parents are! Such absurdities are taking place in Sabah and I call on the authorities responsible to look into the matter. Let no bureaucrat deny a native of his rights in Sabah.

On 13th February, 1982, the then Ministry of Labour and Manpower, Dato Richard Ho, announced that the Employment Ordinance would be extended to Sabah and Sarawak in July this year. This announcement came in the wake of repeated calls made in this House by the DAP. The Ministerial announcement was greeted enthusiastically by workers in Sabah who had all along been exploited by unscrupulous employers. The workers felt that at long last they would be in a position to receive the same benefits as that received by their counterparts in Peninsular Malaysia although their counterparts in Peninsular Malaysia had already been enjoying the benefits since the said Ordinance was amended in 1980.

Thus it came as a shock when the Deputy Minister of Labour announced on 10th July that the Employment Ordinance would only be extended to Sabah and Sarawak next year as certain modifications had to be made to suit the needs and peculiarities of the two States, that is, the extension was not opportune at this moment of recession and that there was little time left in getting it gazetted.

The reasons given are untenable, to say the least. Is the cause of the delay due to the enormous pressures exerted by employers on the Government who are only interested in maximising their profits and exploiting their workers? Is it because the employers, especially the timber tycoons in Sabah and Sarawak, are the biggest contributors to the Barisan Nasional's coffers and that the Government, fearing their wrath, has time and again, deferred the extension of the said Ordinance to both the State?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

The Employment Ordinance should be extended forthwith to Sabah and Sarawak to enjoy the benefits provided under the Ordinance such as overtime pay rates, annual leave, public holidays, sick leave, maternity leave, etc.

It was revealed in July this year that some 2,000 firms were in default for withholding payments of EPF contributions for the month of May alone and, compared with the same period last year, the number of defaulters has increased two-fold. The cause has been attributed to the slowdown in the economy and as such small firms used their employees' EPF contributions to tide them over this tight financial period.

This is untenable and defeats the very purpose for which the EPF was set up to provide social security when they retire. Employers should not be allowed to resort to such unscrupulous tactics to use what the poor workers had contributed with his sweat and toil. I urge the Government to take stern measures against such employers to protect the interest of the workers.

While still on the subject of EPF, I commend for the serious consideration of the Finance Minister that the EPF contribution rates be revised upwards to 30% with employers paying 17% and employees 13%. This is especially necessary in view of the fact that the cost of living is shooting up, I would also suggest that the interest rate of 8% paid on contributions be increased.

In Singapore, I am given to understand that the rate of EPF contributions is 45% with

both the employer and employee contributing 22½% each. Though the interest rate paid is law—some 6½% only—nevertheless employees are allowed to withdraw 95% of their savings to purchase houses. In Malaysia, a contributor is allowed to withdraw a maximum of 10% of the cost of the house or \$20,000 whichever is lower, for the purchase of a first house. I suggest this be increased from 10% to 90%, so that when an employee retires, he has at least a house to his name.

The Government is the biggest borrower of money from the EPF. The Employees Provident Fund Ordinance provides that at least 70% of the monies of the EPF be invested or reinvested in Government securities and, as a result, \$10,315 million or 90% of the EPF's funds was invested in Government securities as at the end of 1981. This being the case, I feel the Government has a moral responsibility to pay higher interest for the money it borrows from the EPF or, for that matter, for the huge sums of monies invested in it by the EPF. It is only by doing so that the workers can benefit from a higher rate of interest paid on their EPF savings.

At a time of economic recession, one would have thought that the local authorities would exercise prudence and ensure their action would not aggravate the situation. I am referring in particular to the action of the various Municipalities and District Councils of the main towns in Sabah which have increased health and hawker licence fees. And, recently the house assessment was increased as much as by 100% causing further suffering to the rakyat. These new rates, though introduced in September, take effect from 1-1-1982. The various actions of the Municipalities and District Councils do not endear them to the people. In this connection, I call on the Government to re-introduce Local Authority elections with the view to allow our citizens to elect their Municipal and District Councillors, Elected Councillors will be more responsive to the people than nominated ones who are not answerable to the people at all but beholder only to their political maste—in this case the Chief Minister—and their primary consideration would be how to be in the good

books of the Chief Minister and the Parti Berjaya and not how best they can serve the rakyat. In fact, ever since the system of nominated Councillors was introduced, corruption has become rampant in the State.

On October 14, the Chief Minister of Sabah, when speaking in this House, accused the DAP of inciting the people in Sabah, and the Chief Minister especially accused me of inciting the people not to apply for licences and that I had instigated the hawkers to peddle their goods on five-foot ways, on roads and even on the "padangs"; and the Chief Minister claimed he had proof. I challenge the Chief Minister to furnish the proof which he claimed he had or withdraw his wild and baseless allegations.

The DAP is a law-abiding party unlike the Chief Minister who is a law unto himself. We do not oppose any measures to enforce the law, but this should not be done in such a manner as to harass the people. It is true that I have defended hawkers in Sandakan and have strived to put a stop to the harassment perpetrated by the Sandakan Municipal Council on them. What is wrong with that? Is it not the duty of an elected representative to protect his people from harassment, repression and intimidation?

The hawkers in Sandakan, especially those peddling their goods in the market, are harassed unnecessarily, their goods confiscated, and these goods are seldom returned and, even if they are returned, they are found to be short. As a result of the so-called operations launched against the hawkers, people including old folks have been injured, suffered losses and have to put up with all kinds of mental agony and torture. There have been several occasions when I had to be present in the market as early as 4.00 a.m. to ensure that the Enforcement Unit or the "bully-boys" of the Sandakan Municipal Council do not harass or cause inconvenience to the hawkers and the public at large. If at all anyone is to be accused of inciting the people to hate the Government, it is the Sandakan Municipal Council by its inhuman and heartless action and not the DAP or the M.P. for Sandakan.

Let me inform the Chief Minister of Sabah that his raving and ranting and punitive action against the people of Sandakan will only be counter-productive as proved in the recent general elections where my majority has increased from 2,639 to 3,416 and the increase in majority, in spite of the politics of money, intimidation and blackmail, shows the increasing influence of the DAP in Sabah.

Tuan Speaker, the Finance Minister, in his 1983 Budget Speech, stated that the Government had taken care to ensure that the lower income groups are not unduly burdened by the new tax increases. However, I am shocked by the announcement made by the Minister of Energy, Telecommunications and Post that the telephone rental and postage charges will be increased with effect from December, 1982 and January 1, 1983 respectively. The estimated increase is projected to bring in an additional \$60 million annually. The proposed increased telephone rates are as follows:

- (a) In Peninsular Malaysia, an exchange with a capacity of more than 10,000 lines, will be classed "urban"; an exchange with a capacity of more than 500 and less than 10,000 lines will be classed "small towns" while an exchange with less than 500 lines will be classed as "rural". The new rental rates—all per annum—for business and residential telephones are \$420 and \$240 respectively for "urban" areas; \$360 and \$240 respectively for "small towns"; and \$240 and \$120 respectively for "rural" areas. The present rates are \$360 for business and \$240 for residential telephones.
- (b) In Sabah and Sarawak, exchanges are classed as "urban" and "rural" only, with the former having more than 500 lines. The new rental rates for business telephones for Sabah and Sarawak are \$300 and \$240 for "urban" and "rural" areas, while the rates for residential telephones are \$240 and \$120 respectively. Under the old rates, the rental for business and residential telephones was \$120 and \$168

respectively in Sabah, while a flat rate of \$240 was charged for all telephones in Sarawak.

Likewise, the postage charges are going to be increased. For example, the present 15 cents charged for a letter weighing up to 20 grammes, will be raised to 20 cents while the postage on post cards is increased from 10 cents to 15 cents; and the rate for small parcels up to 1,000 grammes), printing materials (up to 2,000 grammes) and newspapers (up to 2,000 grammes) will increase by five cents. However, for the heavier parcels, the rate of increase will range between 50 cents to \$2.50—for example, from \$1.50 to \$2.00 for a parcel weighing one kilo and from \$5.70 to \$8.20 for a parcel weighing 10 kilos.

The cost of renting a post office box will increase from \$30.00 to \$50.00. There is a similar increase for sealed bag delivery up to \$50.00.

The present commission for Money Order is 20 cents for the first \$40 and an additional 5 cents for every additional \$10 up to the maximum of \$400; and the new rates stipulate a commission of flat \$1 for the first \$100 and an additional 50 cents for every additional \$100 subject to a maximum of \$3.00.

These new rates are estimated to bring in an additional \$45 million to the Government in terms of revenue. It is surprising to note that the Government has chosen to increase the telephone rental and postage charges which will result in an increase of \$105 million in revenue. The question that comes to mind is why is the Government increasing telephone and postage rates at a time of recession. Further, has the increase in rates been necessitated by losses suffered by the Telecommunications and the Postal Departments? I urge the Minister to reconsider his decision on this matter or, at the very least, defer the implementation of the new rates.

Tuan Speaker, the Minister of Finance, in his 1983 Budget Speech, said that the company-owned cars are in a different category since they are used for business

purposes and thus they should be charged different rates. The proposal is that the road tax on cars owned by companies be increased four times that of private cars. With regard to diesel powered cars, the road tax payable will be five times that of the road tax payable for petrol-powered cars.

The proposed increase of road tax as announced by the Finance Minister has shocked car owners and the general public, particularly companies which provide cars for its executives and the company-owned cargo vehicles. The increase, for example, for a company-owned 3,000 c.c. diesel car, under the proposed increase, amounts up to \$35,900 per year compared with the old rate of \$5,025—an increase of \$30,875 or 614.43%. Diesel-powered vehicles such as Land Rovers, jeeps and land cruisers owned by companies would also be liable to a hefty road tax. The road tax for a 3,900 c.c. company-owner Toyota land cruiser is now \$72,000 a year.

The steep increase in the road tax proposed by the Finance Minister is against the concept of a people-orientated Government. Such a proposal to increase the road tax of company-owned cars by four or five times will, no doubt, cause undue hardship to the public.

While I am still on this subject, it is sad to learn that even vehicles owned by charitable organisations and religious bodies are not exempted. I am given to understand that when the road tax of a vehicle belonging to a church in Peel Road in Kuala Lumpur was renewed, the church had to pay four times more than the old rate. This is absurd, as churches, temples, societies and other religious and charitable organisations are non-profit making bodies and they should be exempted from the increase.

I call upon the Finance Minister to look into this matter to ensure that vehicles owned by religious and charitable bodies are exempted from such increases.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.50 ptg.

Tuan Saidin bin Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya, maka saya berpeluang mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan negara 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah atas sifatnya Menteri Kewangan Malaysia pada hari Jumaat, bersamaan 22hb Oktober, 1982 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih atas keizinan tuan. Saya bangun untuk menyatakan sokongan saya ke atas Anggaran Belanjawan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku dan menyemak butir-butir Belanjawan itu, saya berpendapat pada umumnya Anggaran Belanjawan negara 1983 itu adalah merupakan suatu Anggaran Belanjawan yang wajar dan munasabah, selaras dengan sikap kesederhanaan Kerajaan dan sesuai dengan situasi kemelesetan dan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu ini. Hakikat ini dapat dilihat dari strategi Anggaran Belanjawan itu:

- (1) Untuk memperkemas dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan selaras dengan sumber-sumber yang ada;
- (2) Untuk memperbaiki dan memperkukuh asas kedudukan Imbangan Pembayaran; dan
- (3) Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan di samping mengekalkan kestabilan harga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Belanjawan 1983, Yang Berhormat Mulia Tengku telah meramalkan bahawa Anggaran hasil yang dijangka boleh diperolehi pada tahun 1983 ialah sebanyak \$17,266 juta. Manakala jumlah Anggaran Perbelanjaannya (Mengurus dan Pembangunan) dijangka akan menelan belanja sebanyak \$28,749 juta. Ini bermakna Kerajaan akan mengalami kekurangan (deficit) sebanyak \$11,483 juta.

Kekurangan sebanyak \$11,483 juta dalam Anggaran Perbelanjaan 1983 itu bukanlah mencerminkan sikap boros Kerajaan seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, di dalam rangkaian pantunnya, dengan izin:

Jirus air jangan meleleh,
Habis basah tengah serambi,
Kerajaan boros tidak memilih,
Yang mana terlintas semua dibeli.

Kekurangan dalam anggaran itu bermakna Kerajaan berbelanja lebih daripada pendapatannya. Tujuannya adalah jelas untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin bertambah, sama ada di bidang sosial, ekonomi dan sebagainya. Dengan yang demikian, jelas membuktikan bahawa Kerajaan sanggup menerima risiko tidak popular asalkan ia dapat memenuhi keperluan rakyat. Sikap ini adalah selaras dengan Dasar Barisan Nasional yang meletakkan kepentingan rakyat dan negara itu di atas lain-lain kepentingan. Bukan seperti DAP yang meletakkan kepentingan DAP di atas lain-lain kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal atas sikap angkuh yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu. Sepatutnya sikap yang seumpama itu tidak harus ada kepada seorang yang berkelulusan tinggi sepertinya. Saya katakan begitu kerana jika dibaca dengan teliti makna pantunnya itu jelas menunjukkan sifat-sifat yang saya maksudkan itu. Dalam baris ketiga dan keempat pantun itu dengan izin:

Kerajaan boros tiada memilih,
Yang mana terlintas semua dibeli.

Maksud pantun ini bukan sahaja melibatkan kepada Kerajaan Barisan Nasional tetapi kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi penasihat kepada Kerajaan dalam merangka Belanjawan negara. Tuduhan "Kerajaan boros tiada memilih, yang mana terlintas semua dibeli, "merupakan suatu penghinaan yang keterlaluan kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan kerana seolah-olah pegawai-pegawai Kerajaan itu secara sewenang-wenang tanpa menggunakan fikiran yang

rasional untuk memberikan nasihatnya kepada Kerajaan dalam merangka dan menyusun Anggaran Belanjawan Negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau benar DAP bijak dan berkebolehan menyusun belanjawannya, maka demi kepentingan rakyat dan negara tunjukkanlah kebolehan mereka di Dewan ini. Tetapi apa yang kita saksikan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh DAP itu jauh lebih buruk daripada apa yang dapat ditunjukkan oleh Kerajaan. Umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebahagian besar dari masa dan peluangnya untuk membahaskan Anggaran Belanjawan di Dewan ini masalah di Sabah yang diperkatakan. Masalah yang menyentuh kedudukan DAP sendiri bukan untuk rakyat seluruh negara. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, masalah Sarawak sahaja yang diperkatakan di sini. Padahal Dewan ini adalah untuk membincangkan masalah-masalah negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pantun Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu, sukalah saya membalasnya dengan tiga rangkap pantun lagi.

Ramai nelayan di Pulau Tioman,
Turun ke laut melabuh pukat,
Rakyat bahagia negara aman,
Pengaruh DAP semakin tersekat.

Beringin tumbuh di tepi kolam,
Mawar terletak di pinggir bukit,
Sifat angkuh menjadi amalan,
Kerusi DAP semakin sedikit.

Cempaka tumbuh di tepi telaga,
Tempat berteduh gadis rupawan,
Untuk menutup pekung di dada,
Pengisytiharan Kepayang DAP lancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Anggaran Belanjawan ini amatlah menasabah, bukan sahaja menasabah dan realistik, tetapi adalah adil. Sikap ini jelas kelihatan dalam sistem menentukan cukai-cukai yang akan dipungut oleh Kerajaan. Kita dapati mereka yang lebih bernasib baik telah dibebankan lebih sedikit dan mereka yang kurang bernasib baik telah direngankan

seberapa yang boleh. Saya berterima kasih di atas sikap yang terpuji itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesebuah negara yang membangun seperti negara kita Malaysia ini, amatlah wajar seluruh rakyat dan seluruh peringkat masyarakat melibatkan diri atau dilibatkan untuk memikul tanggungjawab bersama membina negara selaras dengan keupayaan masing-masing. Seluruh rakyat akan bersimpati dengan Kerajaan terutama di dalam keadaan negara dilanda oleh wabak kemelesetan ekonomi dunia ini.

Kita seharusnya menerima hakikat bahawa pembangunan tidak akan wujud tanpa pengorbanan. Bak kata pepatah, kalau tak dipecah ruyongnya, dimanakan dapat sagunya. Dan yang bulat takkan datang menggolek dan yang pipih takkan datang melayang. Hakikat inilah yang tidak difahami oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan pelajaran. Pandangan yang akan saya sampaikan ini adalah terbit daripada perasaan yang tulus ikhlas. Kita sungguh-sungguh bersyukur ke khadrat Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana jika dinilai dari segi pembangunan fizikal dan organisasi di sekolah-sekolah di negara ini memanglah mengagumkan sesiapa juga jika dibandingkan keadaan sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan. Kemajuannya bolehlah dikatakan ibarat bumi dengan langit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh sesuku abad ini Kerajaan telah berjaya mendirikan beberapa buah sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Bangunan rumah-rumah kayu dan buluh sisa peninggalan penjajah dahulu sudah berubah wajah dengan binaan batu yang cantik dan indah dipandang. Bilik-bilik darjah dilengkapi dengan lampu elektrik dan kipas-kipas angin. Di sekolah-sekolah menengah pula dilengkapi dengan dewan-dewan besar, makmal sains, bilik seni perusahaan, bilik sains rumah tangga dan ada pula setengahnya daripadanya dibekalkan dengan bilik kebal.

Dari segi organisasinya pula kita dapati lengkap dengan bilik-bilik pejabat sekolah dengan kakitangan yang serba cukup. Guru-gurunya hampir-hampir semua terdiri daripada mereka yang terlatih. Bilangan muridnya semakin bertambah tahun demi tahun. Pendeknya, jika dilihat dari segi kuantitinya memanglah boleh dibanggakan. Tetapi jika dinilai dari segi kualitinya kesan daripada sistem pendidikan pelajaran kita yang berorientasikan falsafah pendidikan barat itu sungguh-sungguh mengecewakan kita. Saya katakan begitu kerana kesan dari sistem pendidikan itu kita tidak dapat berjaya melahirkan masyarakat terpelajar.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, maksud masyarakat terpelajar itu ialah sekumpulan orang-orang yang mendapat didikan yang sempurna, lengkap dengan ilmu yang menafaatkan dirinya serta orang lain. Lengkap dengan sopan-santun dan tatasuliah hidup yang bertanggungjawab terhadap Allah, terhadap diri dan terhadap masyarakat, bangsa, negara serta agama atau dengan lain-lain perkataan beriman dan takwa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh jika kita mengkaji secara mendalam bahawa mengikut laporan-laporan daripada pihak yang berkuasa di negara ini bahawa seramai lebih kurang 400,000 orang yang terlibat dengan dadah atau menjadi penagih dadah itu adalah terdiri daripada mereka yang berumur 30 tahun ke bawah dan mungkin lebih dari jumlah itu yang masih belum dapat dikesan. Ini bermakna dari segi logiknya hampir keseluruhan mereka itu dididik dan diasuh menerusi sistem pendidikan yang ada sekarang ini kerana anak-anak yang berumur 7 tahun pada tahun 1957, iaitu tahun mula bersekolah, semua mereka ini sudah berumur 32 tahun dan mereka yang menjadi penagih-penagih dadah ini bolehkah dikatakan mereka masyarakat terpelajar?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh jika kita pergi ke mana-mana sama ada di bandar atau di desa, kebanyakan daripada kalangan anak-anak muda yang telah habis masa persekolahan tidak tahu menghargai masa, tidak mahu membantu ibu bapa dan kepada anak-anak orang Melayu pula tidak suka ke

masjid atau ke surau untuk bersembahyang atau belajar agama. Mereka sanggup peluk tubuh daripada membantu ibu bapa turun ke sawah, sementara menunggu pekerjaan yang dipohon. Ini menyebabkan bilangan pengangguran makin meningkat. Mereka sanggup menjadi penonton tatkala orang-orang lain berduyun-duyun ke surau atau masjid. Ini menyebabkan ramai yang terjerumus ke lembah kehinaan dengan kegiatan-kegiatan jenayah dan sebagainya. Pada hal hampir di semua sekolah-sekolah menengah di negara ini Kerajaan mewujudkan guru-guru kerjaya dengan memberi beberapa kemudahan seperti kelonggaran masa bertugas serta bilik temuramah untuk mengadakan temuramah dengan murid-murid bagi menyelesaikan masalah diri mereka juga memandu jalan untuk mencari pekerjaan. Apakah keadaan yang dilakukan oleh mereka dari golongan ini boleh dikatakan mereka orang-orang yang terpelajar?

Tuan Yang di-Pertua, seringkali juga kita dengar terdapat murid-murid yang berani melawan atau memukul guru-gurunya sama ada masa mereka berada di sekolah atau sesudah mereka berhenti sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi suatu lumrah alam apabila murid-murid itu sudah tamat persekolahan perhubungan mereka dengan sekolah terus terputus. Mereka tidak ingin lagi hadir ke sekolah sebagai murid tua sekalipun dijemput pada hari-hari keraian sekolah, seperti hari ucapan atau hari sukan. Malah ada pula yang langsung tidak menjawab atas jemputan itu. Mereka juga tidak suka menderma membantu kebajikan sekolah jika diminta sekalipun hidup mereka cukup lumayan. Semuanya adalah merupakan gejala-gejala yang kurang sihat kesan dari sistem pendidikan sekolah kita yang berorientasikan barat ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini makin bertambah buruk dengan adanya setengah daripada ibu bapa murid-murid yang bersikap negatif terhadap tujuan pendidikan dan pelajaran. Kebanyakan daripada mereka sanggup menangis jika anak-anak mereka tidak lulus dalam Peperiksaan SRP atau SPM, tetapi mereka tidak mempunyai apa-

apa perasaan kalau anak-anak mereka tidak berpuasa dan bersembahyang.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira madailah setakat ini contoh-contoh yang dapat saya berikan di Dewan yang mulia ini tentang kegagalan kita melahirkan anak-anak masyarakat yang dapat dianggap sebagai terpelajar di dalam ertikata yang sebenar-benarnya. Saya simpulkan dengan serangkap pantun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

Helang laut terbang tinggi,
Anak nelayan bermain sampan,
Tidak guna ilmu tinggi,
Kalau hidup tidak bersopan.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, dalam dekad lapan puluhan ini saya amat berbangga. Saya amat berbangga dan terima kasih kepada Kerajaan di bawah pimpinan 2M di mana beberapa pembaharuan telah dibuat dalam sistem pendidikan pelajaran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira pembaharuan ini adalah merupakan satu perubahan yang radikal dan progresif. Pembaharuan yang saya maksudkan itu ialah:

Pertama, pada tahun ini Kerajaan mewujudkan Pejabat Pelajaran Daerah di mana di tiap-tiap daerah di seluruh negara telah diadakan sebuah Pejabat Pelajaran yang akan mengawasi dan menyelia perjalanan sekolah-sekolah di dalam sesebuah daerah itu.

Kita tidak mahu lagi mendengar seperti masa yang lalu walaupun Kerajaan ada menubuhkan sebuah jemaah nazir untuk mengawasi atau menyelia sekolah-sekolah di negara ini tetapi ada di antara sekolah-sekolah di negara ini tidak pernah dilawati oleh nazir-nazir itu walaupun sekali dalam tempoh setahun. Hakikat ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran di Dewan ini pada hari Isnin 25hb Oktober yang lalu, dengan izin:

<i>Tahun</i>	<i>Sekolah yang diperiksa oleh ahli nazir</i>	<i>Taraf pencapaiannya</i>
1981 ..	Semenanjung Malaysia	95.1%
	Sabah	20.7%
	Sarawak	63.7%

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pembaharuan yang saya maksudkan ialah sistem KBSR atau 3M. Di antara perkara yang menarik minat saya, sistem pelajaran ini ialah kerana masa pelajaran agama telah ditambah sedikit daripada masa yang lalu dan pelajaran akhlak akan diberikan kepada murid-murid bukan Islam tatkala murid-murid Islam mempelajari pelajaran agama. Menerusi pelajaran ini kita berharap sistem pelajaran di negara ini akan berorientasikan pendidikan akhlak di dalam Islam di mana kepentingan rohaniah dan jasmaniah akan diperseimbangkan dan tidak lagi berorientasikan pendidikan barat yang menumpukan kepada kepentingan jasmaniah ataupun mata-benda diberi tekanan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah hasrat Kerajaan untuk menubuhkan Sekolah-sekolah Menengah Agama di beberapa buah atau di tiap-tiap negeri di Malaysia ini dan sebuah Universiti Islam bertaraf antarabangsa. Kita berharap dengan penubuhan itu akan memberikan ilham yang baru bersendikan pendidikan Islam dalam melaksanakan sistem pendidikan di negara ini. Semuanya adalah merupakan satu permulaan yang baik dan bukan propaganda politik.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini izinkan saya menyarankan beberapa pandangan saya bagi mempertingkatkan lagi mutu pencapaian sistem pendidikan di negara ini.

Pertama, maktab-maktab perguruan hendak merancang suatu program yang lebih berkesan bagi melahirkan para pendidik yang mempunyai nilai-nilai akhlak yang tinggi. Mereka benar-benar hendaklah dijadikan sebagai manusia contoh kepada murid-murid dari segi tuturkata dan budi pekerti sama ada semasa mereka bertugas ataupun di luar masa bertugas. Falsafah yang mengatakan pandanglah apa yang dikata dan jangan memandang orang yang berkata tidak haru ada di kalangan pendidik-pendidik kita. Kita bimbang seperti kata pepatah, dengan izin. Kalau guru kencing berdiri, murid akan

kencing berlari. Dan kita juga tidak mahu mendengar atau melihat ada guru-guru menghasut murid-murid membenci dan menentang Kerajaan.

Kedua, sistem pendidikan hendaklah berorientasikan pendidikan Islam.

Ketiga, guru-guru kerjaya hendaklah diberi panduan yang betul sebagai pemandu yang berkesan dalam menasihati dan memimpin murid-murid dalam menjalani hidup yang lebih bermakna dan bertanggungjawab.

Keempat, PIBG hendaklah dilipatkan bersama-sama bagi mencapai kualiti yang tinggi dalam sistem pendidikan negara.

Kelima, dalam merancang pembaharuan fizikal, selain daripada mengadakan makmal sains, bilik seni perusahaan dan bilik sains rumahtangga, bilik untuk latihan amali pelajaran agama atau surau mestilah diadakan.

Keenam, Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah dilengkapi dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup supaya berkemampuan mengawasi perjalanan sekolah secara lebih berkesan sambil mengatasi sebarang masalah yang berkait dengan hal-ehwal pelajaran dan pembelajaran.

Ketujuh, pergerakan koperasi sekolah yang sedia ada di sekolah menengah itu hendaklah diperluaskan kepada semua sekolah-sekolah menengah seluruh negara supaya latihan berjimat-cermat dan suka melabur dari lebihan perbelanjaan mereka dapat dibentuk di samping memupuk semangat kerjasama dan muhibbah dalam konteks mewujudkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan oleh Kerajaan kira-kira 12 tahun yang lalu, sukalah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara. Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu Kerajaan ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru itu pihak Kerajaan telah menubuhkan berbagai agensi atau badan-badan berkanun dan tiap-tiap badan berkanun Kerajaan telah memberikan peruntukan yang sewajarnya

dan kakitangan yang menasabah untuk memikul tanggungjawab mencapai objektif yang ditetapkan oleh pemerintah. Misalnya, FELDA untuk meneroka tanah baru supaya dapat dijadikan kawasan ladang kelapa sawit, getah dan sebagainya. FELCRA untuk penyatuan tanah. RISDA untuk penanaman semula getah. LPP untuk mengatasi masalah tanah terbiar. LPN untuk menstabilkan harga padi. LLN untuk mengadakan bekalan elektrik, PERKESO untuk memberi perlindungan sosial kepada pekerja swasta yang berpendapatan 500 ke bawah. PORIM untuk mengatasi masalah kekurangan buruh di ladang kelapa sawit. UDA membangun bandar-bandar baru. FAMA untuk mengatasi masalah pemasaran dalam sektor pertanian dan lain-lain. MARDI untuk penyelidikan pertanian. MAJUIKAN untuk memajukan perusahaan ikan air tawar dan lain-lain. PKEN-PKEN untuk memajukan pembangunan ekonomi di peringkat negeri-negeri. MIDA untuk mempesatkan pertumbuhan sektor industri dan berbagai-bagai lagi badan-badan berkanun yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan sudah sekian lama badan-badan berkanun itu ditubuhkan, memang sudah banyak usaha-usaha yang telah dibuat bagi mencapai objektif masing-masing. Usaha mereka yang baik itu diucapkan berbilang terima kasih. Sudah banyak kemajuan dapat dilihat dan sudah banyak juga nikmat yang dapat dikecap oleh rakyat dan sudah banyak faedah yang diperolehi oleh negara, tetapi untuk menyelaraskan dengan amalan cekap, bersih dan amanah, maka badan-badan ini perlu diadakan "post mortem".

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu, di masa-masa kebelakangan ini orang ramai telah merasa sangsi di atas keikhlasan dan kejujuran setengah-setengah daripada mereka yang diamanahkan itu. Ekoran daripada berlakunya wabak penyakit rasuah dan penyelewengan yang menimpa Bank Rakyat dan Majuternak adakah kuman-kuman penyakit ini sudah menular ke dalam tubuh badan-badan berkanun yang lain? Adakah kita sudah dapat memastikan bahawa seluruh badan-badan berkanun itu

bersih daripada kuman-kuman penyakit rasuah dan penyelewengan itu?

Kedua, di masa-masa kebelakangan ini kemampuan mereka dari segi pengurusan di dalam badan-badan berkanun itu sudah mula dipertikaikan oleh orang ramai. Kita faham untuk menjamin kelancaran perjalanan badan-badan berkanun itu sistem pengurusannya mestilah baik. Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsur pengurusan itu selain daripada strategi, struktur, sistem, kepakaran dan nilai, soal sikap pengurus-pengurus itu merupakan faktor yang terpenting. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya lihat ada pengurus-pengurus yang ditugaskan mengendalikan kerja-kerja pengurusan terutama di cawangan-cawangan yang ada berselerak di merata tempat di negara ini, sifat dan sikapnya adalah terlalu statis atau beku. Mereka hanya menunggu arahan daripada pegawai-pegawai atasan, mereka tidak mempunyai daya kreatif untuk mencuba sesuatu. Ada pula setengah daripada badan-badan berkanun tidak diketahui umum apakah tujuan dan arahan atau objektif badan-badan itu sendiri. Oleh sebab itu, mereka yang sepatutnya boleh mendapat faedah daripadanya tidak dapat menikmatinya.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula pengurus-pengurus itu bersikap angkuh. Mereka tidak mahu menerima pandangan pegawai-pegawai di bawah, kononnya kerana kelulusannya lebih rendah daripadanya sekalipun pegawai itu lebih banyak pengalaman daripadanya. Ada pula pengurus-pengurus yang sanggup menentang Kerajaan. Ini bukan sahaja menunjukkan ianya tidak amanah kepada jawatannya, malahan akan menjejaskan kerjasama daripada orang ramai yang menjadi penyokong Kerajaan padahal orang ramai itu adalah sasaran utama yang perlu dan penting dalam konteks menjayakan projek atau program mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika ditinjau dari segi kepakarannya pula seringkali kita dapati mereka yang dihantar ke kawasan luar bandar adalah terdiri daripada mereka yang baru tamat persekolahan. Dan ianya diberi tugas sebagai pelakon utama, jika sikap-sikap

seperti yang saya sebutkan di atas tadi ada kepada pelakun-pelakun utama itu apakah kemajuan yang kita boleh harapkan?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kerajaan mengadakan "post mortem", saya berharap badan-badan berkanun ini mestilah ada program yang teratur di antara mereka dengan orang ramai supaya orang ramai dapat memahami secara mendalam arah haluan yang akan dituju oleh badan-badan berkanun itu di samping menerima maklumbalas daripada orang ramai dalam konteks mempertingkatkan produktiviti atau daya pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga patut mengadakan peluang yang lebih adil supaya peluang-peluang melawat sambil belajar itu tidak hanya dinikmati oleh pegawai-pegawai di bahagian atas sahaja, mereka yang bertungkus-lumus di peringkat bawah juga perlu diberi peluang menambah pengalaman dan pengetahuan daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kenaikan pangkat mereka juga patut dikaji semula supaya mereka yang benar-benar layak diberi tempat yang sewajarnya tanpa memilih bulu. Pengalaman yang banyak, masa yang lama dalam perkhidmatan itu patut diberi keutamaan dalam sistem kenaikan pangkat, bukan mereka yang pandai menjaga hati tuan-tuan di atas tanpa menunjukkan kemampuan yang wajar diberi pertimbangan yang lebih. Ini akan mematahkan semangat mereka yang jujur dan bertanggungjawab dengan slogan "Cekap, Bersih dan Amanah".

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal makanan, setelah sesuku abad kita merdeka, kita belum lagi berjaya memenuhi keperluan beras negara. Sebagai contoh dalam tahun 1982 pengeluaran beras negara hanya sebanyak 1,714,000 tan metrik yakni kira-kira 79.7% dari keperluan negara dan pada tahun hadapan Kerajaan menganggarkan akan mengimport beras dari Thailand, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat sebanyak 350,000 tan metrik dengan kadar harga ditaksirkan sebanyak \$226 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa beras adalah menjadi makanan utama rakyat di negara ini. Saya berpendapat jika kita tidak mengubah sikap ke arah berdikari, saya bimbang penderitaan rakyat untuk mendapat makanan yang cukup, terutama beras seperti yang berlaku di masa pemerintahan Jepun akan berulang. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mempunyai keyakinan Peperangan Dunia Ketiga tidak akan berlaku untuk menghalang kemasukan beras ke negara ini tetapi kehendak Allah siapa yang tahu! Jika benar peperangan tidak berlaku, tetapi bagaimana jika negara-negara pengeluar beras itu sendiri ditimpa oleh bencana alam? Besar kemungkinan mereka tidak dapat membekalkan keperluan beras yang kita kehendaki. Jika ini menjadi kenyataan, rakyat akan meletakkan kesalahan kepada Kerajaan, di waktu itu akan menimbulkan krisis sosial dan politik yang boleh menggugat kedudukan Kerajaan. Barangkali pihak Oposisi, terutama DAP, tentu bergembira kerana sudah pasti mereka akan menanguk di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan terutama Kementerian Pertanian akan mengambil ingatan yang serius mengenai perkara ini. Jangan sampai rakyat mendesak Menteri berkenaan meletakkan jawatan atas kegagalan itu atau Menteri itu akan mengundurkan diri kerana tidak sanggup menghadapi risiko akibat kekurangan bahan makanan utama rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan akan berusaha membuka tanalit tanah persawahan yang baru. Jika tanah-tanah yang sesuai sukar diperolehi langkah-langkah mengusahakan padi ladang secara besar-besaran perlu dikaji. Di negara ini terdapat banyak kawasan-kawasan sawah yang terbiar kerana sukar mendapatkan sumber air untuk mengairkan sawah. Kawasan-kawasan yang seumpama itu barangkali boleh dikaji untuk diusahakan dengan menanam padi ladang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, usaha-usaha menyelidik kawasan padi yang dilanda penyakit seperti di Perlis/Kedah dengan penyakit merah dan di Perak dengan serangan Kutu Beruang, maka padi

hendaklah diberikan perhatian yang lebih serius supaya sumber kehidupan rakyat di kawasan tersebut itu tidak terancam. Jika perlu, pakar-pakar penyakit dari luar negeri hendaklah diambil bagi mencegah penyakit-penyakit padi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika usaha-usaha ini dapat dijayakan bukan sahaja kita dapat menjamin makanan yang cukup kepada rakyat di negara ini, malah kita akan dapat meluaskan pertumbuhan kilang-kilang padi di negara ini bagi menampung keperluan pekerjaan masyarakat tani di luar bandar di samping membantu memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan menyelamatkan beratus-ratus juta setiap tahun pertukaran wang asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beras, daging juga merupakan makanan keperluan utama rakyat negara ini. Kita dapati pada tahun 1983 Kerajaan menganggarkan pengeluaran daging negara hanya sebanyak 251,475 juta tan metrik iaini mencukupi kadar 50% daripada keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat langkah-langkah yang lebih positif perlu diambil bagi mengatasi kekurangan daging di negara ini. Usaha-usaha perlu dibuat terutama memajukan kawasan-kawasan padang ragut yang begitu luas di negara ini supaya dapat dimajukan dengan penanaman rumput yang bermutu tinggi seperti yang sedang diusahakan oleh Jabatan Haiwan sekarang ini dengan menyediakan kawasan-kawasan yang seumpama itu petani-petani dapat melipatgandakan usaha menternak secara besar-besaran untuk menambahkan pendapatan mereka selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Baka-baka lembu yang bermutu daripada luar negeri juga patut dibawa masuk dengan banyaknya ke negara ini supaya penghasilan petani bertambah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada daging, susu juga merupakan bahan makanan yang amat diperlukan. Dalam tahun 1983 hasil pengeluaran susu dijangka akan meningkat kepada 18 juta leter iaini cukup untuk menampung keperluan susu negara sebanyak 5% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan susu itu pusat-pusat latihan teknologi susu seperti yang sedang dijalankan di Institut Haiwan di Kluang, Johor patut diperluaskan supaya petani-petani dapat dilatih pemeliharaan lembu tenusu secara besar-besaran. Di samping memperbaiki sistem pemasaran, merangka, merancang, pungutan susu dan usaha memperbaiki sistem pemerosesannya, kalau boleh industri-industri untuk memproses susu dijadikan bahan-bahan makanan patut dikaji dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang masalah-masalah kemelesetan ekonomi dunia pada hari ini, sukalah saya menarik perhatian Dewan ini bahawa memandangkan telatah dan tindakan-tanduk negara-negara industri atau maju di dunia ini sudah cukup memberikan kesedaran dan pengajaran kepada kita, bahawa sebagai sebuah negara yang bergantung ekonominya kepada pengeluaran eksport bahan-bahan mentah tidak boleh selama-lamanya meletakkan harapan masa depan ekonominya kepada negara-negara maju. Kita perlu mengubah struktur ekonomi kita agar kita tidak menjadi mangsa akibat telatah mereka itu seperti yang kita alami sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat langkah Kerajaan untuk meneroka ke dalam bidang perusahaan industri berat itu adalah satu langkah yang positif supaya kita dapat merintis jalan ke arah berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah yang maha kaya kerana kita telah dikurniakan dengan berbagai-bagai kekayaan sumber alam sama ada di darat ataupun di laut. Tetapi sayang seribu kali sayang kita masih miskin dengan kepandaian sains dan teknologi, kita juga masih kurang semangat berani meneroka ke dalam satu bidang yang baru selaras dengan proses memandang ke timur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masanya telah tiba untuk mengatur langkah mengatasi segala kekurangan dan kelemahan kita.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan untuk mengadakan perusahaan membuat

kereta sendiri di Malaysia ini adalah suatu permulaan yang baik dan dialu-alukan dan diharap akan diikuti dengan perusahaan pengeluaran tayar dari bahan-bahan getah asli yang mudah diperolehi dengan banyaknya di negara ini. Usaha ini akan dapat membantu menstabilkan harga getah asli di negara ini yang menjadi sumber kehidupan utama penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada peringkat permulaannya mutunya tidak dapat menandingi bahan-bahan pengeluaran luar negeri, tetapi untuk menjamin pasarannya kita boleh mengadakan kawalan import barang-barang itu dari luar negeri. Di samping itu, kita akan menjalankan kempen besar-besaran untuk menanamkan semangat berbangga dengan hasil ciptaan sendiri di kalangan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita di bidang ini banyak masalah negara dapat diatasi di antaranya kita dapat menyelamatkan pertukaran wang asing yang begitu banyak setiap tahun, juga kita dapat menambahkan peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat dan akan dapat membantu usaha Kerajaan bagi memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perusahaan industri berat ini diletakkan di kawasan bandar besar atau di pinggir-pinggir bandar, maka usaha menambahkan lagi perusahaan industri kecil atau ringan ke kawasan-kawasan luar bandar mestilah diperingkatkan lagi supaya struktur ekonomi luar bandar dapat dibagaikan untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara di samping menyekat banjiriran para belia dan beliawanis ke bandar-bandar sehingga menimbulkan masalah sosial yang sukar diatasi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keselamatan, terlebih dahulu ingin saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pertahanan dan seluruh anggota Pasukan Bersenjata kita kerana keupayaan mereka menjalankan beberapa operasi untuk mencegah dan menyekat

musuh dalam konteks mempertahankan maruah dan kedaulatan negara, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, jasa dan pengorbanan mereka yang suci dan mulia itu bukan sahaja akan tercatat dalam lipatan sejarah pembangunan bangsa dan negara, malah sudah pasti akan mendapat ganjaran pahala yang besar di akhirat kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya peruntukan pertahanan sebanyak \$1,900 juta yang diperuntukkan di dalam anggaran Belanjawan 1983 itu dipotong atau dikurangkan, kalau boleh patut ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu kerana pada pandangan saya ancaman yang dicetuskan oleh pergerakan komunis Malaya sejak tahun 1948 dahulu tidak boleh dipandang ringan. Pihak komunis tidak pernah berdiam diri dalam gerakan operasinya, boleh dikatakan pada tiap-tiap hari kelihatan mereka bergerak di hutan-hutan belantara negeri ini. Sekadarkan mereka tidak melakukan serang secara besar-besaran oleh kerana mereka tidak mempunyai kemampuan menentang kegagahan Pasukan Bersenjata kita. Jika pasukan tentera kita tidak diletakkan di dalam keadaan bersiap sedia dan berwaspada, besar kemungkinan mereka akan bermaharajalela, sekurang-kurangnya untuk menimbulkan kebimbangan di kalangan orang ramai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berpendapat suasana keamanan di rantau ini tidak begitu stabil terutamanya pergerakan komunis di Thailand bertambah rancak dan tindakan yang dilakukan oleh Rejim Heng Samrin ke atas Kampuchea baru-baru ini. Boleh dikatakan dalam masa yang begitu singkat mereka telah berjaya memasuki Kampuchea dengan menempatkan lebih kurang 200,000 Angkatan Tenteranya. Peristiwa-peristiwa seperti ini patutlah memberikan kesedaran kepada kita supaya sentiasa berwaspada bak kata pepatah, dengan izin, "Sediakan payung sebelum hujan; jangan sudah terantuk, baru tergadah".

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan keamanan adalah merupakan nadi pembangunan sesebuah negara. Saya katakan begitu kerana rakyat tidak dapat berusaha memajukan diri mereka kalau keselamatannya terancam. Kerajaan tidak akan dapat membangunkan negara jika dirinya sentiasa diganggu musuh. Pelabur-pelabur dalam atau luar negeri tidak akan dapat melaburkan modalnya kalau pelaburannya tidak terjamin, jika pembangunan negara terbengkalai, rakyat pasti akan menderita dan sebaliknya musuh akan bermaharajalela. Apakah semua ini tidak pernah terfikir oleh DAP apabila mereka hendak mencadangkan supaya perbelanjaan pertahanan ini dipotong atau dikurangkan atau kerana ada suatu tujuan yang tersirat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin Pasukan Bersenjata kita agar sentiasa dihormati oleh semua masyarakat dan mampu memikul amanah, mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama, mereka bukan sahaja mesti sentiasa sihat, kuat dan berani dan mereka bukan sahaja mesti bijak dan cekap menggunakan alat-alat dan peralatan-peralatan tentera, tetapi mereka juga mestilah dipertingkatkan dari berbagai-bagai segi.

- (1) dari segi kesetiaan dan kecintaannya kepada negara, bangsa dan agama;
- (2) dari segi ketaatan dan kecintaannya kepada rakan-rakannya, pasukannya, ketuanya, lebih-lebih lagi Kerajaan;
- (3) dari segi kecekapan dan kepintaran mengatur tipu muslihat peperangan;
- (4) dari segi perhubungannya dengan masyarakat awam;
- (5) dari segi kejujuran, kesabaran dan kecekapan menghadapi cabaran di samping mengikiskan sifat-sifat tidak amanah seperti menjual minyak kereta dan juga menjadi penagih dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat ini pihak Kerajaan mestilah sering kali mengadakan latihan-latihan bagi menguji kecekapan mereka dan kemampuan mereka

dari semasa ke semasa sekalipun kita terpaksa berbelanja lebih sedikit dalam menjalankan projek latihan ini. Selain daripada itu, pihak Kerajaan mestilah sering kali mengadakan program kursus-kursus di dalam atau di luar negeri, bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat-maklumat daripada pemerintah tetapi seharusnya menerima maklum balas daripada anggota Pasukan Bersenjata kita tentang keperluan mereka dan pandangan-pandangan mereka serta mempertimbangkan dengan adil dan saksama. Satu program yang teratur hendaklah dibuat bagi merapatkan hubungan di antara pasukan tentera dengan lain-lain Jabatan Kerajaan dan orang-orang awam guna mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah sangka mereka terhadap tentera. Dalam sistem kenaikan pangkat mestilah adil dan saksama tanpa memilih bulu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Angkatan Tentera, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pasukan Polis yang telah menunjukkan kesetiaan dan kematangannya bagi memelihara keamanan di dalam negeri ini. Selain daripada itu, saya juga berharap supaya pasukan sukarelawan seperti Pasukan Pertahanan Tempatan, Rela dan sebagainya mestilah diberi latihan menggunakan senjata moden selaras dengan pasukan Tentera. Mereka juga patut diajar ilmu berkenaan undang-undang dan tipu muslihat peperangan supaya mereka mudah dikerah pada bila-bila masa yang diperlukan oleh negara bagi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara serta agama bersama-sama dengan Angkatan Tentera kita, tetapi mereka mestilah diberi perlindungan undang-undang. Untuk tujuan itu sebuah Akta perlu diwujudkan supaya tidak menimbulkan masalah sosial yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu Jabatan yang ada hubungannya dengan keselamatan orang ramai ialah Pasukan Bomba. Kalau dilihat dari segi perangkaannya, kemalangan yang berlaku di negara ini semakin hari semakin meningkat, begitu juga tentang kerugian harta benda dan kecederaan anggota dan kemalangan jiwa orang ramai semakin bertambah.

Contohnya, dengan izin:

	1978	1981
Kebakaran	5,482	9,444
Kerosakan harta benda	61.1 juta	119.3 juta
Kecederaan	185 kes	155 kes
Kematian	53 kes	103 kes

Tuan Yang di-Pertua, data-data ini mencerminkan satu keadaan yang kurang sihat. Saya tidak hendak menyalahkan sesiapa tetapi patutlah kita mengkaji mengapa dan kerana apa keadaan itu berlaku demikian. Pada hemat saya, suatu kajian yang menyeluruh perlu dibuat supaya nama Pasukan kita tidak akan tercemar. Pada pandangan saya bukanlah kerana kurang kecekapan anggota Pasukan Bomba kita tetapi kerana kurang keupayaannya. Saya katakan begitu kerana pembangunan fizikalnya terlalu lemah. Contohnya, adakah kita percaya walaupun negara ini telah mencapai kemerdekaan lebih dari sesuku abad lamanya, pekan-pekan atau daerah kecil dalam negara ini tidak ada bangunan Balai Bomba, umpamanya seperti di Keroh, Ulu Perak tetapi sekarang ini barangkali sudah mula disedari, insya Allah tidak lama lagi pekan Keroh akan mendapat sebuah bangunan Balai Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contohnya boleh dikatakan rata-rata pekan-pekan yang baru membangun seperti Gerik, Lenggong dan sebagainya walaupun di dalam pekan itu sudah ada bangunan yang setinggi 80 kaki atau lebih tetapi tangga yang digunakan oleh Pasukan Bomba kita masih menggunakan tangga yang setinggi 25 kaki. Ini adalah membuktikan perkembangan yang berlaku di dalam Pasukan Bomba itu tidak selaras dengan pembangunan yang wujud di tempat itu, oleh itu sebanyak manakah prestasi yang boleh dilakukan oleh Pasukan Bomba. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana dalam anggaran Belanjawan 1983 akan datang telah ditambah kepada \$9,684,200 berbanding dengan 7,700,900 dalam tahun 1983 di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pertambahan itu pihak Kerajaan perlulah berusaha bagi mengurangkan

berlakunya kemalangan yang boleh mengorbankan nyawa dan harta benda orang ramai di negara ini. Langkah-langkah yang lebih positif hendaklah diambil untuk mengadakan alat-alat kelengkapan yang sempurna, kereta-kereta bomba yang lebih moden serta mengadakan latihan-latihan yang lebih berkesan bagi menjamin kecekapan dan kemampuan menghadapi sebarang keadaan apabila berlaku sesuatu kebakaran. Pasukan Bomba juga mestilah mengadakan program yang sempurna dan teratur untuk menerangkan kepada orang ramai bagi mengelakkan dan mencegah kebakaran. Penerangan-penerangan itu boleh disampaikan menerusi media massa seperti Radio, TV dan akhbar atau ceramah-ceramah oleh ahli-ahli Pasukan Bomba sendiri, sama ada di bandar atau di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan mengadakan Pasukan Bomba sukarela di kalangan orang ramai amatlah dialu-alukan tetapi mereka mestilah diberi perlindungan dari segi undang-undang. Oleh itu, saya mencadangkan jika belum diadakan oleh Kerajaan maka sebuah Akta Bomba hendaklah diwujudkan supaya dapat memberikan perlindungan undang-undang dari segi kebajikan mereka dan keluarga mereka jika berlaku sesuatu kemalangan semasa mereka menjalankan tugas membantu Pasukan Bomba di kawasan mereka masing-masing. Saya berpendapat jika langkah-langkah itu dapat dijalankan oleh pihak Kerajaan, jumlah kemalangan nyawa dan kemusnahan harta benda orang ramai akan dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

5.38 ptg.

Dato Ngah bin A. Rahman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 dalam bacaan kedua dan suka mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas kejayaannya menyediakan satu anggaran perbelanjaan, yang boleh dikatakan yang

telah diperakukan oleh keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa anggaran perbelanjaan ini adalah merupakan perbelanjaan yang realistik, pragmatik dan dirancang dengan begitu rapi mengikut kehendak keadaan ekonomi negara semasa setelah mengambil kira di atas kemelesetan ekonomi dunia yang telah menjejaskan prestasi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi negara kita yang sedemikian rupa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita masih dapat menambahkan lagi hasil-hasil Kerajaan menerusi punca-punca hasil baru serta mengubahsuaikan punca-punca hasil yang sedia ada tanpa membawa kesan bebanan yang berat kepada orang-orang yang berpendapatan rendah.

Begitu juga keadaannya kepada pihak swasta walaupun setengah-setengah cukai yang akan dikenakan dalam langkah-langkah untuk menambah hasil bagi tujuan-tujuan memperkukuh kewangan negara akan berasa sedikit gelisah, namun demikian pada keseluruhannya Belanjawan tahun 1983 ini pada hemat saya tidaklah merupakan beban yang amat berat yang menekan setiap pihak di dalam sektor swasta. Jika pun ada yang tertekan lebih sedikit patutlah mereka menganggapkan kesemuanya itu sebagai satu sumbangan "patriotic" kepada negaranya di dalam usahanya bersama-sama dengan Kerajaan untuk memperkukuhkan kewangan negara di dalam keadaan negara yang menghadapi kemelesetan ekonomi antarabangsa. Sesungguhnya negara amat meyakini tinggi di atas sumbangan yang "patriotic" itu yang jika tidak sama pun, tidaklah pula kurang nilainya dengan sumbangan yang diberikan oleh angkatan barisan pertahanan negara yang sedang berada di perbatasan dan di perairan Malaysia yang tercinta ini.

Saya tidak menafikan bahawa dalam pada itu terdapat juga cukai-cukai baru yang pengorbanannya amat berat untuk ditanggung oleh setengah-setengah pihak sebagaimana yang tersiar dalam akhbar *The New Straits Times* bertarikh 30hb Oktober, 1982, muka surat 5, di bawah tajuk berita

yang berjudul, dengan izin, "New Road Tax Rates Create Unexpected Woes for Finance Firms"—yang membawa maksud "Kadar cukai jalan yang baru telah mewujudkan satu masalah yang tidak diduga kepada firma-firma kewangan".

Tuan Yang di-pertua, dalam aspek ini, pada hemat saya, ini adalah merupakan satu langkah sementara dalam keadaan ekonomi yang meruncing ini dan saya percaya pihak Kerajaan akan dapat mengkaji semula manakala keadaan ekonomi negara kita mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada cukai jualan (sales tax) Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita telah menerangkan bahawa 75% daripada barang-barang yang dibuat di dalam negeri dan juga yang diimport tidak dikenakan cukai jualan sama sekali. Barang-barang ini meliputi bahan-bahan makanan, ubat-ubatan, bahan-bahan mentah dan mesin peralatan pembinaan dan bahan-bahan binaan. Pada pendapat saya, masalah yang boleh timbul dalam cukai jualan ini ialah besar kemungkinan para penjual dan pedagang-pedagang akan mengambil kesempatan dengan melibatkan sama kenaikan harga jualan di atas barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan. Ini adalah disebabkan kerana terdapat ada beberapa barang yang digunakan untuk bahan binaan tidak dikecualikan daripada cukai jualan seumpama plywood sedangkan atap genting pula dikecualikan daripada cukai jualan. Maka begitu juga keadaan ini dengan bahan-bahan makanan seperti koko dikecualikan daripada cukai jualan tetapi minuman ringan (soft drinks) tidak dikecualikan dari cukai jualan. Jadi keadaan yang sedemikian rupa ini boleh mengelirukan masyarakat umum khususnya penduduk-penduduk luar bandar yang kurang menyedari hal keadaan yang sebenarnya. Maka oleh yang demikian langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi melindungi masyarakat umum daripada menjadi mangsa kekeliruan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini bagi merakamkan perasaan sukacita kerana amat jelas sekali bahawa

dalam anggaran perbelanjaan yang begitu ketat ini Kerajaan masih mampu memberikan keutamaan yang begitu tinggi kepada sektor pembangunan ekonomi khususnya dalam pembangunan tanah, pertanian, parit dan taliair yang mana lebih daripada separuh perbelanjaan pembangunan adalah disediakan untuknya. Ini adalah selaras dengan hasrat dan kehendak rakyat yang telah memberikan kita mandat sekali lagi bagi memimpin Kerajaan dalam penggal ini.

Berhubung dengan ini sukalah saya memberikan pandangan saya di dalam Dewan yang mulia ini bahawa anggaran peruntukan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan-peruntukan seperti Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Per Capita Grant), Pemberian Penyelenggaraan Jalan, Pemberian Penyelenggaraan Lorong Belakang, Pemberian Penyelenggaraan Jalan-jalan di Kawasan Rumah Awam Kos Rendah, Penyelenggaraan Jalanraya Persekutuan dan lain-lain, kepada saya peruntukan tersebut adalah juga boleh membawa dan membantu pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negeri dan oleh kerana itu berdasarkan kepada kemampuan Kerajaan yang telah menjadi kewajipan kita memikulnya atau dengan lain-lain perkataan berdasarkan kepada obligasi kita kepada rakyat, maka sudah sewajarnya pemberian-pemberian Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah saya sebutkan sebentar ini tadi perlu dikaji semula dengan tujuan untuk ditambah kepada satu jumlah wang pemberian yang lebih sesuai dan lagi menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya tidak sekali-kali menafikan bahawa dari segi pembangunan sesebuah negeri, Kerajaan Persekutuan telah dan memang sentiasa memberikan peruntukan-peruntukan pembangunan melalui agensi-agensi Kerajaan Pusat di negeri-negeri seperti melalui MARA, UDA, FAMA, RISDA dan lain-lain badan dan institusi-institusi pembangunan di *negeri-negeri masing-masing*. Namun begitu, pada hemat saya, dengan peruntukan tambahan yang saya cadangkan itu saya

percaya akan dapat memberikan peluang yang lebih kepada negeri-negeri bagi memperluaskan lagi skop aktiviti-aktiviti pembangunannya mengikut kesesuaian dan kehendak keadaan setempat serta keutamaan yang telah ditentukan oleh Kerajaan Negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya timbulkan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai dengan peruntukan Penyelenggaraan Parit dan Taliair di tiap-tiap negeri. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Kerajaan Pusat adalah bertanggungjawab membiayai kos projek parit dan taliair di tiap-tiap negeri tetapi apabila projek itu siap dibina, umpamanya, Skim Johor Barat di Johor Kerajaan Pusat akan menyerahkan tanggungjawab penyelenggaraannya (maintenance) kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 1982 di bawah peruntukan perbelanjaan Penyelenggaraan Parit dan Taliair, Kerajaan Johor telah memperuntukkan sebanyak \$2,010,650. Saya percaya perbelanjaan ini akan bertambah lebih besar manakala Skim Johor Barat itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan saya juga percaya bahawa kedudukan yang wujud di Johor mungkin sama dengan negeri-negeri yang terlibat dengan penyelenggaraan parit dan taliair.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kita amat menyedari bahawa punca-punca hasil bagi setengah-setengah negeri amat terhad dan oleh kerana itu penyelenggaraan projek seumpama ini sering menimbulkan masalah-masalah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Maka dengan ini adalah merupakan salah satu sebab mengapa peruntukan penyelenggaraan projek seumpama ini tidak diberikan keutamaan yang tinggi dalam senarai priority Kerajaan-kerajaan Negeri dan oleh kerana itulah maka berlaku di mana sesuatu projek itu terpaksa menunggu giliran perlaksanaan penyelenggaraannya; setengah-setengahnya mengambil masa sehingga 3 atau 4 tahun. Petani-petani, peladang-peladang, pekebun-pekebun kecil yang hasil pendapatannya banyak bergantung kepada keadaan kesempurnaan parit dan taliair di kawasan masing-masing tidak dapat tidak akan terjejas juga pendapatan mereka. Oleh

kerana itu saya berharap benar supaya Kerajaan Pusat memberikan perhatian yang berat dan mengkaji kemungkinan-kemungkinan dengan bersungguh-sungguh supaya hasil daripada perhatian dan pengkajian itu akan dapat membekalkan satu peruntukan khusus sebagai pemberian Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri kerana penyelenggaraan ataupun maintenance terhadap parit dan taliair.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan kepada saya bagi membahaskan bersama ucapan Belanjawan 1983 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 22hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.51 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan negara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan ini pada 22hb Oktober yang lalu.

Mula-mula ingin saya katakan bahawa saya menyokong Belanjawan negara ini. Kemelesetan ekonomi negara pada saat ini akan mengakibatkan kebanyakan rakyat yang berpendapatan rendah menghadapi berbagai masalah dan kesulitan untuk mencari rezeki mereka. Jadi keadaan buruk ini terus merosot memang besar inflasi akan melambung tinggi. Jelasnya golongan miskin ini akan menderita. Belanjawan negara 1983 saya percaya telah disediakan dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keadaan-keadaan ini. Berbagai duti atau pertambahan cukai hanya ditunjukkan kepada orang-orang yang berkemampuan. Seumpama duti import bagi kereta-kereta mewah dan peningkatan cukai jalan. Selain dari itu cukai-cukai bagi bahan-bahan perlu tidak dipertingkatkan, hanya rokok dan minuman keras dikenakan cukai tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara 1983 yang dikemukakan pada 22hb Oktober,

1982 adalah disambut baik oleh rakyat jelata. Langkah-langkah yang diambil merupakan satu penyelesaian efektif bagi mengatasi kemelesetan ekonomi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini Kerajaan sentiasa menegaskan bahawa ia akan cuba dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai perpaduan rakyat. Tidak dinafikan masyarakat kita adalah satu masyarakat yang berbilang bangsa dan berbilang budaya. Saya pasti perpaduan rakyat akan tercapai sekiranya seluruh rakyat diberi peluang untuk berdiri sama tinggi duduk sama rendah di bidang-bidang pelajaran, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan satu-satu negara yang indah dan kaya dengan bahan-bahan semula jadi. Mereka yang dilahirkan di negara ini akan mencintainya. Mereka berasa bangga terdapat tempat tumpah darah mereka dan sedia mengorbankan diri untuk mempertahankan kedaulatannya. Rasa taat setia adalah berasal dari rasa cinta ini. Bagi rakyat yang dilahirkan di negara ini soal taat setia tidak timbul langsung. Malahan rasa taat setia ini tidak boleh disyaki oleh mana-mana satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita hampir semua sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina termasuk tapak tanah dan bangunan bilik darjah adalah harta benda jumaah pentadbir sekolah. Pada peringkat awal pada masa dahulunya bangunan bilik darjah dibina dengan sumbangan kewangan dari rakyat yang berminat dalam pelajaran. Sejak masa itu boleh dikatakan Kerajaan adalah kurang membantu sekolah-sekolah ini. Tidak dilupakan di dalam sekolah-sekolah ini ibu bapa murid-murid adalah rakyat dan pembayar cukai negara kita. Tidak dinafikan Kerajaan kita adalah berkewajipan dan bertanggungjawab atas perkembangan dan kemajuan sekolah-sekolah ini seperti mana yang dilakukan di sekolah-sekolah yang beraliran lain. Contohnya, di kawasan saya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Jit Sin, Bukit Mertajam, dibina siap pada tahun 1966 dengan belanja pembinaan dibiayai oleh rakyat. Selepas 16 tahun cat dinding sekolah

itu pudar. Berpuluh permohonan bantuan kewangan kepada pihak Kerajaan untuk mengecat semula sekolah ini tidak mendapat sambutan baik dari pihak Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, memandangkan kekurangan kemudahan dan peningkatan bilangan murid-murid di sekolah-sekolah ini pihak sekolah terpaksa meminta sumbangan kewangan dari rakyat yang berminat dalam pelajaran untuk membina sebuah bangunan bertingkat tiga yang di antara lain akan mengandungi sebuah kantin dan sebuah perpustakaan. Wang perbelanjaan bagi pembinaan masih banyak kekurangan. Permohonan bantuan kewangan pun telah disampaikan kepada pihak Kementerian Pelajaran agar tindakan selanjutnya akan dapat diambil. Adalah diharap-harapkan pihak Kementerian Pelajaran tidak akan mengecewakan pihak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Jit Sin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan bilik darjah dan peningkatan bilangan murid di Sekolah Jit Sin pun adalah dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chow Huan, Bukit Kecil di kawasan saya. Masalah ini akan menjadi lebih rumit lagi apabila beberapa ribu unit rumah di Taman Sungai Rampai yang berhampiran dengan Sekolah Chow Huan siap dibina nanti. Jelasnya dengan kemudahan bilik darjah yang ada pada Sekolah Chow Huan hari ini memang pasti tidak akan dapat menampung keperluan murid-murid yang semakin bertambah banyak. Sekolah ini sedang merancang membina bilik-bilik darjah baru dengan memohon bantuan kewangan dari pihak Kementerian Pelajaran. Dengan sesungguhnya saya harap permohonan-permohonan dari kedua-dua sekolah ini akan dapat sokongan dan simpati dari pihak Kerajaan supaya projek-projek pembangunan sekolah-sekolah ini akan dapat dibina dan siap mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk membina

sebuah universiti baru supaya dapat menampung lebih banyak pelajar-pelajar yang berhajat melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti. Berita ini sungguh membanggakan kerana dia akan memberi lebih banyak keperluan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk memasuki universiti.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita terdapat satu kepincangan di bidang pelajaran di mana seseorang pelajar dengan keputusan cemerlang dinafikan tempatnya di universiti tempatan. Tetapi bagi seseorang pelajar lain yang lebih lemah keputusannya daripada pelajar yang disebutkan tadi diberi peluang untuk melanjutkan pelajarannya di universiti. Keadaan ini telah menjadi batu penghalang kepada perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya cuba membetulkan kepincangan ini agar semua pelajar yang berkelayakan akan diterima melanjutkan pelajaran mereka di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, ingin saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya dapat mengambil berat terhadap keadaan jalan tanah di beberapa kawasan di negara kita. Di kawasan-kawasan pilihan Kerajaan jalan-jalan tanah itu diambil berat dan ditarkan. Sebaliknya di kawasan-kawasan lain jalan-jalan tanah itu tidak diberi perhatian yang sewajarnya dan dibiarkan merosot sehingga jalan-jalan itu berlubang-lubang. Keadaan buruk ini bukan sahaja menimbulkan kesusah-payahan kepada para pengguna jalan bahkan ia menjadi punca bahaya kepada keselamatan mereka. Dengan keadaan demikian bolehkah kita harap rakyat yang tinggal di kawasan itu memberi pandangan baik terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan mencegah kebakaran di kawasan Seberang Perai Tengah adalah didapati sangat-sangat kurang memuaskan. Di dalam sesebuah Kampung Baru atau kawasan perumahan papan yang rapat bilangan rumahnya kelihatan bilangan pili bomba tidak mencukupi ataupun langsung tidak ada sebatang pun pili bomba. Dengan keadaan demikian apabila sesuatu kebakaran berlaku Pasukan Bomba tidak akan

sempat mencegah kebakaran ini. Malangnya yang akan menderita ialah penduduk-penduduk miskin di kawasan itu. Ingin saya menggesa Kerajaan memberi lebih banyak peruntukan kepada pihak Bomba di Seberang Perai Tengah supaya pili-pili air dapat dipasang di tempat-tempat yang sesuai di kawasan-kawasan yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, Kerajaan haruslah mengambil berat tentang keadaan jalan dan parit serta longkang di Kampung-kampung Baru yang selalu diketepikan oleh pihak Kerajaan. Langkah ke arah ini adalah perlu supaya penduduk-penduduk di kawasan itu akan dapat hidup di alam sekeliling yang lebih bersih dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa saya menyokong sepenuhnya Belanjawan Negara 1983 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober, 1982 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Keningau.

6.09 ptg.

Tuan Ahmad Shah bin Dato' Hussein Tambakau (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, saya turut beserta dalam perbahasan dan seterusnya menyokong Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh di Dewan yang mulia ini pada 22hb Oktober, 1982.

Belanjawan yang dibentangkan itu merupakan satu langkah yang berani, tepat dan bertimbangrasa terhadap keseluruhan rakyat Malaysia di dalam kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini. Dan oleh kerana negara kita terlibat secara langsung maka sesuaiilah langkah-langkah seperti ini diambil. Belanjawan ini juga akan seterusnya memperkembangkan dan memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi kita.

Dalam tinjauan saya Belanjawan 1983 ini bukan sahaja mengharapkan bukan hasil-hasil keluaran negara kita dan cukai-cukai import bahkan juga penglibatan rakyat jelata

secara langsung terhadap pembangunan negara kita yang kita semua cintai. Belanjawan ini juga dapat membezakan beban orang-orang yang tidak berada. Kemelesetan ekonomi dunia diharap akan pulih di tahun hadapan dan tiada sesiapa orang yang boleh memastikan bilakah ekonomi dunia akan pulih melainkan Tuhan sahaja seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh. Ini saya tujukan kepada Pembangkang DAP yang mana sering kali tidak mendengar dan selalunya memutarbelitkan ucapan-ucapan ataupun perkataan-perkataan di Dewan yang mulia ini. Cubalah pihak Pembangkang atau DAP dengar dengan telinga yang terbuka dan lihat dengan mata yang terbuka juga di masa-masa yang akan datang supaya mungkin mereka akan dapat mempelajari dan memperbezakan mana yang benar dan mana yang salah, mana yang putih dan mana yang hitam. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh di atas penyampaian Belanjawan negara 1983 di Dewan yang mulia ini.

Di samping menyokong Belanjawan 1983, saya ingin juga menyentuh kenaikan Cukai Penjualan (Sales Tax) ke atas computers. Saya merayu sama pihak Kerajaan agar dapat menarik balik Cukai Penjualan yang dikenakan terhadap computers sebanyak 10% walaupun cukai import tidak dikenakan lagi. Rayuan ini dibuat atas satu sebab. Seperti kita semua sedia maklum, negara kita pesat membangun ke arah menjadi satu negara yang moden dan advanced dan seimbang pula dengan negara-negara yang sudah maju. Oleh yang demikian, saya berpendapat iaitu untuk mencapai cita-cita kita menjadi satu negara yang maju, haruslah kita menggalakkan penggunaan computers di pihak swasta dan di kalangan rakyat seperti computers for data processing mahupun computers kecil seperti mini atau pocket calculators dan lain-lain.

Berkenaan dengan Dasar Pandang ke Timur, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kebijaksanaan beliau

melancarkan dasar pandang ke Timur. Dalam pengalaman saya dasar seperti ini memanglah sesuai dan sepatutnya sudah lama dilancarkan. Seperti yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita cuma yang baik dan jauhkan kesan-kesan yang tidak baik. Saya berkata demikian, oleh kerana kesan-kesan yang baik yang sudah pun dialami di negeri Sabah di antara kerjasama secara langsung di antara Jepun dengan negeri Sabah di bidang pertanian dalam bentuk satu badan sukarela yang dipanggil "OISCA" ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement International" yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian Negeri Sabah dan dilancarkan di kawasan saya.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, badan OISCA ini ditubuh dalam tahun 1977 untuk menanamkan semangat berdikari dan berdisiplin di kalangan belia-belia dan beliawanis tempatan dan mewujudkan satu generasi muda yang bertanggungjawab dan dijadikan contoh untuk generasi-generasi yang akan datang. Badan OISC ini memberi kemahiran di bidang pertanian kepada belia-belia tempatan yang berminat menjadi petani yang terlatih dalam teknik-teknik pertanian moden. Latihannya agak berlainan kerana penegasan ditumpukan kepada latihan amali di kebun dan berdisiplin kelak.

Mereka yang terlibat dalam "OISCA" ini dilatih oleh 5 sukarelawan daripada Jepun. Pada mulanya latihan dijalankan di bidang pertanian sahaja iaitu bercucuk tanam dan menternak binatang seperti ayam, itek dan ikan. Setelah dilatih dan lulus dalam ujian tiori, mereka dihantar ke Jepun untuk melanjutkan lagi pelajaran tiori dan praktikal, mengalami keadaan yang sebenar dan mempelajari lebih mendalam teknik-teknik pertanian di bawah kelolaan badan OISCA sedunia yang menjaminkan segala perbelanjaan semasa berkursus. Setakat ini seramai 125 belia-belia sedang dilatih, ada juga yang sudah tamat dan lulus latihan mereka. Setelah mereka balik daripada Jepun mereka diberikan tanah oleh Kerajaan Negeri dan berusaha sendiri ataupun mereka

boleh bekerja di agensi-agensi Kerajaan seperti Koperasi Pembangunan Desa dan pihak-pihak swasta sebagai seorang pelatih. Ramai sudah belia-belia kita yang sudah lulus dan berusaha sendiri dan memberi contoh kepada masyarakat tempatan. Pihak Kerajaan Negeri masih lagi giat berusaha untuk memperkembangkan kegiatan "OISCA" dan saya ingin berucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas daya usahanya melancarkan satu badan seperti ini di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya baharu sahaja dipilih untuk menjadi Wakil Rakyat, maka ingin saya sentuh sedikit-sebanyak mengenai dengan pembangunan Negeri Sabah dan di kawasan saya seterusnya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Negeri Sabah adalah satu-satu negeri di Malaysia yang mengeluarkan eskport-eksport negeri yang besar berupa hasil-hasil pertanian dan sumber-sumber alam seperti kayu balak, tembaga dan minyak mentah. Negeri Sabah juga pesat membangun walaupun pembangunan fizikal ataupun pembangunan tanah-tanah pertanian. Oleh yang demikian, saya berharap agar Negeri Sabah akan terus mendapat lebih perhatian dan lebih peruntukan untuk meneruskan lagi pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian, oleh kerana ada beberapa kes di mana peruntukan projek tersebut sudah ada dan ditawarkan dan kelulusan sudah pun diberi kepada si pemborong tetapi malangnya peruntukan itu ditarik balik. Saya beri satu contoh iaitu projek, dengan izin, "The Construction of Administration-cum-Teachers' Building, Hotel, Engineering Shed and Quarters for Fisheries Training Schools, Fisheries Department, Patau-patau, Labuan yang menelan belanja sebanyak 2.7 juta ringgit. Saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan atas perlunya dan pentingnya projek ini dilaksanakan untuk kaum nelayan di negeri Sabah kerana ianya merupakan satu golongan yang masih ketinggalan. Harapan saya adalah supaya projek ini diberi peruntukan dalam Belanjawan 1983 tetapi malangnya peruntukan yang diberi dalam Belanjawan

1983 cuma \$10 sahaja. Sekali lagi saya merayu agar pihak Kerajaan dapat memberi keutamaan ke atas pelaksanaan projek ini dalam tahun 1983.

Satu lagi ingin saya sentuh di sini ataupun terpaksa saya sentuh yang sudah mendapat peruntukan sejak beberapa lama dahulu tetapi belum pun ada sebarang tindakan ialah Projek Telekom di Pekan Bingkor lebih kurang enam kilometer daripada Bandar Keningau di kawasan saya. Projek ini telah pun dirancang lebih awal dahulu dan diberi seratus buah talian telefon sejajar dengan permintaan penduduk-penduduk di kawasan ini. Saya khuatir projek ataupun peruntukan projek ini akan ditarik balik. Sekali lagi saya merayu sama Kementerian yang berkenaan supaya projek ini dapat perhatian yang berat dan tindakan seterusnya pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan kawasan saya adalah satu-satunya yang terpencil di negara kita terutama sekali kampung-kampung yang berhampiran dengan sempadan Indonesia, iaitu Pensiangan, Pohon Batu dan Sepulut di sekitar kampung itu. Kampung-kampung ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan-kenderaan dan jumlah pengundi-pengundi di kampung-kampung yang terpencil ini adalah dianggarkan sebanyak 800 orang. Masih banyak lagi yang perlu dan harus kita ambil perhatian yang serius terhadap sosio-ekonomi dan kesejahteraan mereka.

Saya merasa sedih apabila saya mengetahui bahawa pendapatan mereka ini yang berketurunan Murut masih lagi jauh di bawah garis kemiskinan. Saya percaya bahawa cuma melalui bantuan-bantuan Kerajaan sahaja kita dapat meninggikan sosio-ekonomi mereka. Saya berkata demikian oleh kerana keadaan kampung-kampung ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi seperti jalanraya-jalanraya, bekalan air, lampu elektrik, klinik-klinik dan lain-lain. Walaupun Kerajaan Negeri Sabah telah pun melancarkan skim doktor udara untuk mengawasi kesihatan-kesihatan penduduk-penduduk di kampung ini melalui Yayasan Sabah, tetapi ini haruslah dipergiatkan lagi.

Saya tidak menafikan bahawa pembangunan di kawasan saya memang sentiasa ada, sentiasa berjalan, tetapi apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah ianya harus dipertingkatkan dan dipergiatkan lagi.

Kemajuan dan kenaikan sosio-ekonomi mereka bergantung juga sama generasi-generasi muda. Andai kata generasi-generasi muda ini dapat dididik lebih awal lagi, bermakna memberi sekolah-sekolah dan guru-guru yang mencukupi, maka saya yakin keadaan mereka akan bertambah baik di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab-sebab inilah sekali lagi saya merayu agar pihak Kerajaan Persekutuan dapat mengambil perhatian yang serius dan peruntukan-peruntukan untuk negeri Sabah janganlah dipotong, bahkan saya memohon supaya ditambah pula.

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain-lain perkara yang ingin saya sentuh dan cadang dalam ucapan saya ialah:

Pertama, kenaikan pembayaran royalti minyak mentah daripada Sabah. Saya menyokong rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan kenaikan pembayaran royalti minyak mentah daripada Sabah dari 5% ke sekurang-kurangnya 10%. Kenaikan ini akan dapat menambah lagi pembangunan di negeri Sabah yang rakyat idam-idamkan.

Kedua, Lembaga Padi dan Beras Negara supaya dapat memberi bantuan yang sewajarnya kepada petani-petani di Sabah yang merupakan golongan yang terbesar. Pada masa ini penanaman padi masih lagi dijalankan sekali setahun dan, pada hemat saya, dengan adanya subsidi-subsidi dan insentif-insentif pengeluaran yang menggalakkan, saya percaya mereka akan berusaha untuk bercucuk tanam dua kali setahun; bertambahlah pula pendapatan mereka dan mengurangkan pula import beras ke negara kita serba sedikit.

Ketiga, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Parit dan Taliair menambahkan dan meluaskan lagi skim-skim perairan (irrigation

scheme) supaya luas lagi tanah-tanah yang dapat diusahakan.

Keempat, para guru-guru tempatan di Sabah diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada beberapa guru-guru terlatih di Sabah yang sudah bertugas hampir-hampir sepuluh tahun tetapi belum pun mendapat pengesahan jawatan. Dengan tidak ada pengesahan jawatan maka tidaklah ada kenaikan gaji (increment). Inilah sebab-sebab utama yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan sebilangan guru-guru tempatan di Sabah sampailah sebilangan mereka ini melibatkan diri dalam politik di Pilihanraya Parlimen tahun ini menentang Kerajaan Barisan Nasional. Saya berharap tindakan disiplin dapat diambil dengan segera. Saya suka juga bercadang supaya Kerajaan Persekutuan mengadakan satu skim dengan izin: Exchange of Teachers between Teachers from West Malaysia and Teachers from Sabah. Dengan adanya skim seperti ini maka dapatlah guru-guru tempatan di Sabah yang terlatih memperluaskan lagi pengetahuan mereka sambil mengalami keadaan keseluruhan di negara kita dan meninggikan lagi mutu penyampaian mereka. Para guru-guru daripada Semenanjung yang ditugaskan di Sabah haruslah juga ditugaskan di luar-luar bandar bukan sahaja di dalam bandar.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu sama Kementerian yang berkenaan supaya dapat mempertimbangkan kenaikan pangkat para anggota-anggota Polis Diraja khususnya di kawasan saya ataupun di negeri Sabah. Saya dapati ada yang bertugas agak lama dan masih lagi menunggu-nunggu keputusan atas kenaikan pangkat mereka sampailah juga menimbulkan perasaan tidak puas hati dan perasaan marah sama Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Belanjawan 1983 ini banyak cabaran-cabaran yang keluar daripada Pembangkang terutama sekali DAP. Saya tidak ingin memanjangkan isu-isu itu di sini oleh kerana kesemuanya telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, sama ada dibawa ke mahkamah ataupun yang lain-lain.

Saya tidak juga ingin memanjangkan ini semata-mata untuk memberi pihak DAP cheap publicity. Kebolehan parti Berjaya dan kepercayaan rakyat terhadap parti Berjaya telah pun dibuktikan dalam Pilihanraya Umum Negeri tahun yang lepas dengan mendapat kemenangan yang cemerlang (landslide victory).

Tuan Yang di-Pertua, Kerusi kawasan Sandakan akan jatuh ke tangan Barisan Nasional. Kalau DAP mahu cuba, bila-bila masa sahaja, esok pun boleh (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan 1983.

6.24 ptg.

Datuk Alfred Jabu anak Numpang (Betong) Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini membahaskan serba sedikit perkara yang membangkit dengan beberapa aspek Anggaran Belanjawan Negara 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia pada 22hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak dapat peluang disebabkan terhadnya kesempatan berucap semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka di sini saya ingin menyampaikan hasrat saya untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh saudara kita, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, walaupun sekarang agak lewat sedikit, tetapi ingin saya mencatatkan sokongan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda semasa Perasmian Pembukaan Mesyuarat Parlimen Penggal Pertama pada 11hb Oktober, 1982.

Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang penuh beramanat sentiasa memberi penuh bimbingan dan panduan untuk kehidupan seharian antara semua lapisan rakyat kita di Malaysia ini yang terdiri

dari berbilang kaum, tradisi, ugama dan kebudayaan untuk hidup bertoleransi, bermuhibbah sehingga terjalin penuh kedaulatan, ketabahan dan semangat membangun satu negara, satu bangsa, satu identiti, satu masyarakat yang benar-benar bercorak kemalaysiaan di negara kita ini yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran Belanjawan negara tahun 1983 adalah tepat dan wajar semasa negara kita ditempuh ribut-taufan kemelesetan ekonomi dunia yang menjejaskan kita di Malaysia. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi, maka Kerajaan kita terpaksa membuat strategi yang efektif dan dasar Belanjawan 1983 yang praktik demi memperkukuhkan mutu kewangan kita dan untuk mengelakkan pertumbuhan ekonomi kita sehingga dalam suatu ketika kita dapat memperolehi pertumbuhan ekonomi yang baik supaya rakyat jelata tidak akan memikul bebanan yang berat sepertimana yang berlaku di beberapa negara-negara di dunia luar. Saya menyokong dan mengalu-alukan Anggaran Belanjawan negara 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Wakil daripada P. 140 Betong di Sarawak bukan sahaja mewakili rakyat dari luar bandar,

tetapi yang duduk di kawasan hulu sungai, di pinggir hutan-belantara dan juga yang mewakili penduduk di kawasan tepi Laut China Selatan. Di sepanjang kawasan ini majoriti penduduk mencari nafkah dengan cara kais pagi makan petang. Dengan luasnya kawasan ini dan dengan kurangnya kemudahan jalan raya, maka perhubungan bergantung atas cara yang lama atau cara purbakala, menggunakan perahu ataupun jalan kaki di hutan-belantara.

Rakyat memerlukan berbagai rancangan pembangunan terutama sekali dalam bidang bercucuk tanam dan menangkap ikan. Kerajaan Negeri bergiat dengan seberapa yang boleh menjalankan rancangan-rancangan bercucuk tanam, tetapi dengan adanya sekatan wang pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, maka masih lagi sebilangan rakyat belum dapat penyertaan yang agak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung semula.

Datuk Alfred Jabu anak Numpang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.